


Jilid II
Bil. 43



Hari Jumaat
4hb November, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7485]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1989 [Ruangan 7537]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1989 [Ruangan 7537]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.H.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman,, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., **PLS.** (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL. S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSANI BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., **PLS.** (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

.. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P (Bentong).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram),
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.H.T., K.A.I.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Pariit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani),
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

„ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI Uus (Simunjan).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

„ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).

„ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).

„ DR V. DAVID (Puchong).

„ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

„ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).

„ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

„ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

„ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

„ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

„ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).

„ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).

„ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

„ TUAN HU SEPANG (Rasah).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

„ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

„ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

„ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

„ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

„ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).

„ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).

„ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjong Karang).

„ TUAN R, KARPAL SINGH (Jelulong).

„ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

„ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang),
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAL *alias* PAUL PANSAL (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YusOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- .. TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- ” TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N.
(Pasir Puteh).
- ” TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- ” DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P.,
A.M.N., J.P. (Tambun).
- ” PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- ” DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).
- ” TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 4hb November, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**SURUHANJAYA SELATAN—
PERANAN MALAYSIA**

1. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan pakatan Setatan-selatan telah diwujudkan di antara Negara-negara di Selatan Pasifik dan dianggotai Malaysia.

- ta)* sejauh manakah kegiatan Jawatankuasa ini bagi menyelesaikan krisis-krisis di peringkat antarabangsa bagi negara-negara yang terlibat dalam pakatan ini;
- (b)* adakah Jawatankuasa ini terlibat sama dalam soal-soal politik, ekonomi dan ketenteraan. Jika tidak, adakah langkah-langkah sedang difikirkan untuk ke jalan ini; dan
- (c)* apakah pandangan terhadap Negara Bebas dalam penubuhan Jawatankuasa Selatan-selatan ini.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pakatan

Selatan-selatan di antara negara-negara di Selatan Pasifik tidak wujud. Mungkin Ahli Yang Berhormat sebenarnya ingin bertanya mengenai Suruhanjaya Selatan (South Commission) yang ditubuhkan dalam tahun 1987. Jika ini benar, izinkan saya menjawab soalan yang dikemukakan berhubung dengan Suruhanjaya Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia telah memainkan peranan penting di dalam penubuhan Suruhanjaya Selatan yang telah diwujudkan secara rasmi pada tanggal 27hb Julai, 1987. Tujuan utama Suruhanjaya Selatan ditubuhkan adalah untuk mencari penyelesaian kepada masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh sebahagian besar negara-negara Dunia Ketiga melalui kerjasama Selatan-selatan dan juga melalui kerjasama dengan negara-negara maju. Dengan itu jelaslah bahawa Suruhanjaya Selatan tidak mempunyai motif yang lain kecuali kerjasama ekonomi.

Di dalam mesyuarat-mesyuarat yang lepas, tekanan-tekanan telah diberikan kepada isu-isu ekonomi seperti masalah hutang negara-negara memhangun, ketidakadilan yang berlaku dalam perdagangan antarabangsa, dasar perlindungan dan penindasan terhadap ekonomi negara-negara membangun dan juga mengenai isu-isu kerjasama ekonomi di antara Selatan-selatan.

Negara-negara Bebas Berkecuali menyokong penuh penubuhan Suruhanjaya Selatan ini. Sokongan ini

muncul dari kesedaran bahawa usaha-usaha Suruhanjaya Selatan adalah untuk mewujudkan hubungan saksama antara Utara dan Selatan bagi memutihkan keadaan ekonomi dunia yang sekarang ini tidak seimbang di mana terdapat keadaan negara-negara Selatan terlalu bergantung kepada negara-negara maju. Suruhanjaya Selatan akan cuba mengubah keadaan ini demi kemajuan dan pembangunan Selatan-selatan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Mutia iaitu adakah Maldives termasuk di dalam Suruhanjaya selatan ini. Jika ya, apakah pandangan Malaysia terhadap pemberontakan yang berlaku di Maldives semalam?

Yang kedua, bagaimanakah hubungan Malaysia dengan Kerajaan Maldives di dalam bidang ekonomi dan sosial?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj: Tuan Yang di-Pertua, Maldives adalah sebuah negara yang membangun iaitu termasuk dalam Selatan, ataupun dalam bahasa Inggerisnya developing country. Jadi, ini bermakna Maldives adalah satu negara yang boleh disifatkan sebagai negara yang termasuk dalam Selatan. Dipanggil "Selatan" ini ialah maksudnya "negara-negara membangun" atau dalam bahasa Inggerisnya developing countries. Utara (North) bermaksud "negara-negara yang maju".

Jadi, pertanyaan Yang Berhormat itu masuklah Maldives dalam Suruhanjaya Selatan, jadi jawabnya, ya termasuk. Tetapi kita di dalam Suruhanjaya selatan ini hanya panel yang dipersetujui oleh beberapa buah negara dan jumlah negara yang menganggotai persidangan atau menjadi anggota ialah 28 buah negara yang dilantik. Tetapi siapa-siapa

daripada negara-negara yang sedang membangun iaitu daripada Selatan boleh dijemput dan minta hadir untuk berbincang perkara-perkara bersabit dengan ekonomi. Bersabit dengan

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj: Tuan Yang di-Pertua, belum habis lagi. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Suspense sahaja.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj: perhubungan kita boleh dikatakan baik di antara Malaysia dan Maldives, kerana Maldives adalah juga satu anggota Komanwel serta anggota OIC. Sambil itu juga Maldives menganggotai Bangsa-bangsa Bersatu dan juga anggotai Non-Aligned Movement. Keanggotaan keempat-empat badan ini membawa kepada perhubungan yang baik di antara dua-dua negara Malaysia dan Maldives diperingkat antarabangsa ataupun multi-lateral sama juga di peringkat bilateral.

Saya sukalah menyatakan perhubungan kita sangatlah baik kerana dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau tidak salah saya pada tahun 1983 dahulu, yang membawa lagi kepada perhubungan yang erat di antara Malaysia dan Maldives dan kita telah pun memberi sumbangan untuk membual reka bentuk sebuah masjid di Maldives dan kita memberikan sumbangan juga untuk pembangunan masjid itu. Dengan kerjasama dalam bidang ekonomi dan penjualan ikan kering mereka kepada kita, perhubungan mereka adalah sangatlah baik dengan kita.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, di mesyuarat yang kedua Suruhanjaya Selatan yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Mac tahun

ini, satu pelan tindakan telah diluluskan dan terms of reference, dengan izin, Suruhanjaya Selatan ada dibangkitkan dan diluluskan di mesyuarat itu. saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan untuk memberi penjelasan tentang apakah terms of reference Suruhanjaya Selatan ini dan juga apakah pelan tindakan yang telah diluluskan.

Kedua ialah selain daripada masalah hutang yang dialami oleh negara-negara selatan, maka saya ingin juga mendapat tahu apakah perhatian ataupun tindakan yang telah diambil oleh negara-negara yang berkenaan mengenai masalah kemiskinan dan termasuk juga masalah dasar apartheid.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, di dalam perjumpaan yang kedua di Kuala Lumpur ini, benarlah kita telah membincangkan program-program yang perlu diambil tindakan. Oleh sebab bersabit dengan ekonomi, perbincangan bersabit dengan perlindungan ataupun protectionism, dengan izin, telah pun dibincangkan iaitu bersabit dengan trade. Yang sering dibincangkan juga ialah bersabit dengan investment, pelaburan. Selepas perbincangan ini, kalau tidak salah saya, perbincangan perjumpaan telah pun diadakan di Mexico dan salah satu daripada perkara yang dibincangkan secara teliti dan ditumpukan ialah bersabit dengan the new round bersabit dengan multi-lateral trade negotiation telah pun dibincang. Ini salah satu daripada keputusan yang diambil selepas dibuat di Kuala Lumpur ini untuk dibuat tindakan kerana sekarang ini masih lagi MTN sedang berjalan untuk membawakan hasil perdagangan khususnya di antara negara-negara yang sedang membangun iaitu Negara-negara Selatan dengan Negara Maju daripada utara.

Bersabit dengan tindakan apartheid tentulah oleh sebab kebanyakan negara-negara ini sangat tidak bersetuju dengan dasar apartheid, maka mereka telah menekankan kepada dasar ini, maka apa yang dibincangkan adalah mengenai ekonomi, banyaklah perkara-perkara ini ditumpukan kepada ekonomi, sambil itu juga mereka tidak tinggal bersabit dengan Afrika Selatan, bersabit dengan hal apartheid yang mana diri segi perdagangan, keputusan-keputusan yang telah pun diambil di Bangsa-bangsa Bersatu dan di Non-aligned Countries Conference telah pun diambil dan mereka memegang teguh kepada keputusan-keputusan ini bersabit dengan perdagangan ataupun kerjasama ekonomi dengan negara Afrika Selatan ini.

DASAR PERLINDUNGAN HUTAN

2. Tuan Law Lal Heng minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) adakah Kementeriannya mempunyai rancangan menggubal suatu Dasar Perlindungan alam sekitar khususnya bagi melindungi hutan hujan negara yang semakin pupus;
- (b) jika tidak, apakah sebabnya; dan
- (c) apakah keluasan hutan di negara mengikut hektar dan negeri.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian perusahaan Utama belum ada rancangan untuk menggubal satu dasar perlindungan alam sekitar khusus bagi perlindungan hutan. Ini adalah disebabkan Dasar Perhutanan Negara yang meliputi semua aspek pengurusan hutan, terutamanya dari segi perlindungan hutan telah pun ada

dan sedang dilaksanakan. Dasar yang mula dilaksanakan pada tahun 1978 ini menekankan usaha-usaha pembangunan, penyelidikan dan pengurusan hutan secara teratur dan saintifik bagi memastikan kawasan hutan di negara kita akan terus terpelihara dan kekal sepanjang zaman.

Satu ciri penting dasar ini ialah mewujudkan hutan simpan kekal bagi tujuan perlindungan dan juga penghasilan secara yang terjamin berterusan atau dengan izin, (sustained yield basis). Setakat ini sejumlah 12.7 juta hektar telah pun dikhaskan bagi hutan simpan kekal iaitu 4.7 juta hektar di Semenanjung, 3.7 juta hektar di Sabah dan 4.6 juta hektar di Sarawak. Dari jumlah tersebut, 9 juta hektar adalah hutan produktif dan 3.7 juta hektar adalah hutan perlindungan yang tidak boleh dibalok. Sementara itu keseluruhan kawasan hutan negara ialah 20.4 juta hektar atau 61.8% yang mana 6.3 juta hektar adalah di Semenanjung, 4.7 juta hektar di Sabah dan 9.4 juta hektar di Sarawak.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengurus hutan negara supaya tidak akan pupus adalah seperti berikut:

- (a) melaksanakan sistem pengurusan memulih;
- (b) menjalankan rawatan silviculture dan tanaman mengaya ke atas kawasan hutan yang telah dibalok;
- (c) menetapkan catuan tebang tahunan berdasarkan kepada keluasan Hutan Simpan Kekal yang sedia ada di setiap negeri mengikut konsep pengurusan hutan secara berkekalan; dan
- (c) menubuhkan ladang hutan compensatory dengan tanaman pokok dari species yang cepat membesar.

Mengenai keluasan kawasan hutan negara mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah (Hektar)</i>
Johor	555,960
Kedah	369,403
Kelantan	923,142
Negeri Sembilan	196,680
Melaka	8,875
Pahang	2,219,949
Perak	1,101,541
Perlis	10,239
Pulau Pinang ..	7,179
Selangor	283,219
Terengganu ..	671,540
Wilayah Persekutuan	63,000

Jumlah bagi Semenanjung ialah 6,347,876 hektar, di Sabah 4.7 juta hektar dan Sarawak 9.4 hektar. Jumlah kesemuanya 20.4 juta hektar.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Pada masa ini terdapat satu kumpulan yang diteraju oleh greens party di Eropah yang mendakwa bahawa hutan tropika dunia akan pupus disebabkan oleh negara-negara yang mengeluarkan bahan-bahan hutan tropika dan Malaysia adalah termasuk sebagai sebuah negara yang didakwa sebegini. Sehingga sekarang ini ada usaha-usaha untuk mengharamkan kayu-kayan dari hutan tropika. Apakah tindakan Kementerian untuk melawan dakwaan ini? Apakah rombongan seperti rombongan yang dibuat untuk mengatasi dakwaan kelapa sawit dibuat oleh Kementerian atau pihak Kerajaan?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, mula-mula sekali saya ingin menjelaskan hakikat bahawa

negara kita Malaysia ini merupakan satu negara yang amat kecil kalau dibandingkan dengan keseluruhan tanah yang ada di planet bumi ini dan kerana itu sebarang perubahan climatic di dunia ini tidak mungkin dipengaruhi semata-mata oleh adanya' tebang hutan di Malaysia ini. Saya telah jelaskan tadi bahawa jumlah hutan negara kita berbanding dengan keluasan kawasan keseluruhannya merupakan 60% daripada jumlah kawasan tanah di Malaysia ini dan ini mungkin merupakan salah satu negara yang paling banyak memelihara hutannya.

Yang kedua, saya juga ingin menjelaskan bahawa tanggungjawab untuk memelihara dan mengekalkan iklim dunia bukan semata-mata terletak di tangan negara kita, tetapi juga tanggungjawab seluruh negara di dunia ini kerana itu adalah tidak adil untuk sesiapa juga terutama para environmentalist antarabangsa menunjukkan jarinya kepada Malaysia menyalahkan Malaysia semata-mata kerana terdapat masalah-masalah yang berpunca daripada environment yang menyebabkan perubahan climatic di dunia ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Malaysia tidak menganggap ringan tuduhan-tuduhan tersebut dan kita telahpun menghantar beberapa rombongan termasuk yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri sendiri ke negara-negara Eropah untuk menjelaskan kepada mereka hakikat yang sebenarnya berlaku di negara kita, iaitu yang pertama walaupun kita tebang pokok-pokok hutan tetapi kita gantikan tempat yang kita tebang itu juga dengan pokok hutan dan sebahagian daripadanya kita gantikan dengan pokok-pokok tanaman seperti ketapa sawit dan getah yang juga merupakan pokok-pokok yang boteh mengawal keadaan environment di kawasan yang berkenaan.

Kita akan terus menjalankan usaha-usaha penerangan melalui buku-buku phamplet, pertunjukan slide dan filem kepada pihak-pihak negara-negara yang berkenaan dan untuk menjelaskan kepada mereka apakah sebenarnya yang sedang berlaku di negara kita dan bahawa kita tidak memusnahkan hutan kita secara sembarangan tetapi kita mempunyai dasar dan program penebangan hutan yang tersendiri yang menjamin seperti yang saya katakan tadi adanya kawasan hutan yang berkekalan di negara kita.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini kadar kehilangan hutan rimba di negara kita setahun berapakah hektar hilang dari muka bumi di tanahair negara kita.

Keduanya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa tanaman semula pokok-pokok adalah untuk "life-cycle" pokok-pokok jenis-jenis baru 15 tahun sahaja, tidak dapat menggantikan pokok-pokok dalam hutan rimba yang 100 tahun lebih untuk tumbuh. Adakah beliau sedar bahawa echo-system hutan rimba di negeri Sarawak, negeri Sabah adalah akibat daripada proses evolusi yang selama 150 juta tahun yang mengandungi 50% dari semua jenis-jenis spisis hidupan dalam negara kita ini dan tanaman semula tidak dapat menyelesaikan masalah kehilangan hutan rimba ini. Itu sahaja.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama ada dua faktor yang menyebabkan hutan hilang, pupus atau menurun. Yang pertama kerana tebang secara komersial, iaitu untuk mengambil balak. Jumlah yang kita dapat kumpulkan sejak beberapa tahun yang akhir ini ialah tidak lebih daripada kira-kira 200,000 hingga 245,000 hektar setahun, tetapi ada lagi satu jenis pemusnahan hutan yang kita

tidak dapat taksirkan jumlah hektar yang sebenarnya iaitu secara sistem pembukaan atau usaha pembukaan tanah secara berpindah-randah yang banyak terdapat di Sabah dan Sarawak. Kumpulan-kumpulan ini merosakkan hutan-hutan dan tidak dapat ditentukan jumlah ekar kerosakan itu oleh kerana mereka sentiasa berpindah-randah dan kalau Yang Berhormat itu sungguh mengambil berat tentang hutan, saya nasihatkan beliau supaya menasihatkan orang-orang Sarawak dan Sabah supaya jangan melakukan kegiatan-kegiatan seperti ini oleh kerana ia memusnahkan satu khazanah yang amat berharga bagi kita.

Mengenai soalan yang kedua, kita sedar bahawa khazanah hutan di negara kita berusia beribu-ribu tahun dan penebangan hutan yang ada sekarang tidak mungkin dapat menampung dari segi bekalan balak kalau kita terus potong, tak sempat dia hendak kejar, tetapi kita mempunyai spesis-spesis yang boleh membesar dengan cepat, dalam masa 15 tahun kita boleh juga menebang pokok-pokok itu untuk digunakan dan selain daripada itu tekanan ke atas penggunaan kayu hutan asli telah dapat kita agihkan kepada penggunaan lain-lain kayu yang ditanam seperti kayu getah yang sekarang ini mulai popular di beberapa negara di Eropah dan juga Amerika Syarikat dan ini dapat menolong kita untuk mengurangkan penebangan kayu-kayu balak di dalam hutan tropika.

ORANG BUKAN ISLAM— MENGISLAMKAN

3. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) bilangan mualaf di seluruh negara sejak Pusat Islam ditubuhkan dan ramai manakah

bilangan mereka yang mengikuti bimbingan agama dan ramai mana pula yang tidak;

- (b) apakah langkah-langkah yang dibuat bagi memastikan mualaf tidak terbiar dan ramai mana pula yang kembali murtad. Apakah sebab mereka kembali murtad jika ada; dan
- (c) sekiranya Pusat Islam tidak cukup tenaga untuk membimbing para mualaf itu, adakah pusat Islam berusaha untuk mendapatkan kerjasama dengan badan-badan dakwah yang lain yang begitu banyak di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bukanlah tugas Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri mengislamkan orang-orang bukan Islam. Walau bagaimanapun, Pusat Islam melalui Institut Dakwah (INDAH) menjalankan kerja-kerja dakwah. Soal Pusat Islam tidak cukup tenaga untuk membimbing mualaf adalah tidak timbul.

Jabatan-jabatan dan Majlis-majlis Agama Islam Negeri tidak menyimpan rekod mengenai bilangan sahabat baru dan orang-orang yang murtad. Oleh itu maklumat yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat mengenai ini tidaklah dapat diberikan.

- (b) Selain daripada Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri dan juga Wilayah beberapa badan-badan dakwah juga menjalankan kerja-kerja kebajikan dan memberi bimbingan kepada saudara-saudara baru.

Orang-orang Islam keseluruhannya termasuklah sahabat-sahabat baru boleh jadi murtad atas berbagai sebab. Sukarlah bagi saya menyatakan dengan khusus melainkan perkara-perkara yang bersabit dengan kes-kes yang tertentu.

- (c) Perkara cukup atau tidak tenaga sepertimana yang ditanya amatlah umum. Sememangnya Pusat Islam dan Jabatan-jabatan Agama dan badan-badan dakwah di seluruh negara sentiasa menjalankan tanggungjawab memimpin sahabat-sahabat baru.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya agak kurang jelas dengan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menyatakan bahawa tugas Pusat Islam bukanlah tugas untuk mengislamkan orang-orang yang ingin memeluk agama Islam, tetapi tugas Pusat Islam ialah kerja-kerja dakwah. Jadi dalam hubungan ini saya ingin mendapat penjelasan daripada yang Berhormat Timbalan Menteri secara objektif mengenai dengan peranan Pusat Islam dalam membantu mualaf-mualaf Islam kerana kita dapati peranan ini penting ada hubung kait dengan kerja-kerja dakwah, kalau tidak apakah yang dikatakan ertinya "Pusat Islam" itu selain daripada mentadbir hal ehwal Islam.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Perkara yang dibangkitkan di dalam soalan ini ialah berkenaan dengan bilangan mualaf di seluruh negara sejak Pusat Islam ditubuhkan dan ramai manakah bilangan mereka yang mengikuti bimbingan agama dan ramai mana pula yang tidak. Jadi, saya telah pun menjawab soalan itu bahawa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam memang menjalankan kerja-kerja dakwah iaitu termasuklah kepada

mereka yang ingin memeluk agama Islam dan juga kepada orang-orang Islam. Tetapi bilangannya tidak kita simpan, Dari segi kerja-kerja untuk membimbing mualaf bahkan juga untuk mempertingkatkan ilmu agama memang dijalankan oleh Jabatan ini.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun pihak Timbalan Menteri dalam jawapan tadi tidak dapat memberi angka-angka mengikut soalan saya ini, tetapi saya ingin tahu benarkah orang-orang murtad itu satu daripada sebabnya ialah kerana tidak sempurna dan tidak cukup pendidikan dalam memperkenalkan Islam kepada mereka.

Kedua, benarkah orang-orang yang masuk Islam itu kerana mahu kahwin, kerana mahu harta-benda dan juga kerana mahu jadi warganegara.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ialah benarkah orang-orang murtad kerana tidak cukup pendidikan. Sebagaimana saya katakan, murtad ini saya rasa Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa lebih termaklum dari saya. Tidak semestinya orang yang tidak cukup pendidikan dalam bidang ilmu agama, yang termasuk di dalam golongan yang murtad, kerana ada keadaan-keadaan tertentu yang menyebabkan seseorang itu menjadi murtad. Tidak kira dia itu mempunyai ilmu yang cukup ataupun tidak, kerana itu bergantung kepada tindakan dia, akidah dia dan sebagainya. Jadi, saya ingat dalam bidang ini Yang Berhormat lebih termaklumlah.

Dari segi orang yang memeluk agama Islam adakah kerana mereka mahu berkahwin, mahu kepada kebendaan dan sebagainya, saya ingat ini sukar untuk ditentukan, kerana ada banyak yang memeluk agama kerana

hendak berkahwin dengan orang-orang Islam. Tentang adakah mereka mahu kahwin kerana kebendaan, ini sukar untuk ditentukan. Saya jangka kita pun tidak diminta tanya tentang itu.

Ketiga, Yang Berhormat juga sebutkan adakah seseorang itu memeluk Islam kerana hendak jadi warganegara, ini saya rasa amat sukar bagi mana-mana pihak untuk menentukan kerana semuanya itu duduk di dalam hati dan bergantung kepada iman seseorang.

TENTERA LAUT DI RAJA MALAYSIA—PENGKALAN DI SABAH

4. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah sesuai bagi Kerajaan Persekutuan merancang untuk membuka sebuah pengkalan angkatan laut, penyeludupan, kemasukan pendatang haram dan anasir-anasir subversif, adakah rancangan ini akan dilaksanakan dengan segera. Jika tidak, bila. Berapakah kapal-kapal perang yang akan ditempatkan di Sandakan di masa akan datang.

21-11-88

9. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pertahanan menyatakan bilakah cadangan pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM) di bina di daerah Sandakan, Sabah.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Semporna yang dijadualkan pada 21hb November, 1988 kerana soalan tersebut adalah berkaitan dengan perkara yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini Dermaga Lama Sandakan telah pun diserahkan oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada Tentera Laut Di Raja Malaysia pada 3hb Mac, 1988 untuk dijadikan Pengkalan Hadapan TLDM di Sabah Timur. Kerja-kerja pembinaan serta perubahan dan pembaikannya dijangka dapat dimulakan pada bulan Mac 1989. Sekiranya kerja-kerja pelaksanaannya berjalan mengikut jadual, Pengkalan ini dijangka akan dapat beroperasi sepenuhnya pada pertengahan tahun 1990. Apabila pengkalan ini siap kelak, di samping menjadi Pengkalan Hadapan di Sabah Timur, ianya juga mungkin dijadikan Pengkalan untuk latihan kepada pasukan simpanan Tentera Laut bagi kawasan Sandakan. Dengan adanya sebuah Pengkalan TLDM di Sandakan ini dan disertai penempatan kapal-kapal TLDM di sini akan memudahkan tugas-tugas TLDM untuk menghantar bantuan di kawasan perairan Timur Sabah dalam masa yang lebih singkat. Kehadiran kapal-kapal TLDM di Sandakan juga akan melemahkan kegiatan lanun-lanun yang bergerak di kawasan Timur Sabah. Jumlah kapal yang akan ditempatkan di Pengkalan TLDM Sandakan nanti adalah bergantung kepada keadaan keselamatan semasa.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana mempunyai persiapan untuk melengkapkan lagi Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia di Sandakan dan mengikut penerangan yang diberikan oleh Menteri bahawa kapal-kapal pun akan disediakan di sana. Saya ingin tahu apakah persiapan kelak untuk menentukan supaya kita dapat menangkis jika sekiranya ada serangan-serangan udara yang dilakukan terhadap Pengkalan Tentera Laut di sana, kerana difahamkan bahawa dari Saigon atau Ho Chin Min

City ke Sandakan hanya memakan masa lebih kurang 30 minit sahaja. Jadi, apakah persiapan yang diadakan untuk menangkis serangan-serangan jika ianya berlaku pada masa-masa akan datang, ataupun serangan dari Filipina seperti mana ugutan-ugutan yang dibuat baru-baru ini?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj: Tuan Yang di-Pertua, tindakan untuk membuatkan persiapan seperti satu langgaran dari tentera-tentera yang berdekatan seperti mana cadangan kita, menjelang tahun 2,000 kita akan menyediakan persiapan sama juga Tentera Laut dan juga Tentera Udara, khususnya untuk meningkatkan lagi keupayaan dan kemampuan Angkatan Tentera Laut dan sama juga Tentera Udara dan dengan keadaan ini kita harap dan kita berdoa agar tidak ada siapa yang cuba untuk membuat langgaran untuk memusnahkan base-base kita di Sebelah Timur Malaysia ini.

Saya rasa jikalau ada sekarang kita akan dapat juga oleh sebab kita pun mempunyai keupayaan dan juga kemampuan, kita akan sedaya-upayanya untuk membantahkan ataupun menolak apa sahaja langgaran ataupun mereka yang cuba untuk memusnahkan base-base kita di sini.

Tuan Gerard Math Lee Min: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, adakah Kementerian Pertahanan menganggap ugutan dari lanun pendatang haram dan penyeludupan senjata api di perairan Sabah sebagai ancaman yang serius kepada kedaulatan negara kita dari segi kaca mata Kementerian Pertahanan. Jika ia, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian.

Kedua, kini didapati bahawa bot-bot yang digunakan oleh Polis Marin tidak selaju berbanding dengan bot-bot lanun. Bolehkah bot-bot yang dipakai oleh Tentera Laut boleh menawan bot-bot lanun dari semua aspek, khasnya dari segi kelajuan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh anggap apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu perkara kecil. Pada kaca mata Kerajaan dan juga kaca mata Kementerian Pertahanan, perkara-perkara yang semacam ini kita sentiasa mengawasi dan kita tidak menganggap satu perkara yang kecil dan pada hemat saya kita sentiasa mengawal dan mengawasi kedudukan lanun-lanun di sana seperti membawa senapang ataupun alat-alat senjata masuk ke negara kita.

Soalan kedua kapal-kapal TLDM, saya rasa kita boleh melawan dan tidak menjadi masalah jikalau lanun-lanun ini hendak membuat kacau dan kita sentiasa dapat menangkap mereka. Dari segi kelajuan pun saya rasa kapal-kapal tentera taut kita lebih berkuasa, lebih berkemampuan dan bersabit dengan kapal-kapal polis yang lain, kini polis sentiasa mengambil ingatan untuk melawan lanun-lanun ini yang kemampuannya sentiasa ada dan Kerajaan sentiasa meningkatkan lagi kemampuan pihak Polis Marin untuk berlawan dengan lanun. Saya rasa jangan bimbang, kita sentiasa akan dapat mengawasi keadaan lanun-lanun ini dan sesiapa juga yang hendak memusnahkan keselamatan negara kita dan juga untuk mengacau di dalam perairan, khususnya EEZ kita.

EXPORT-LEO GROWTH/ INVESTMENT-LED GROWTH

5. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pertumbuhan pada kadar 7.5% untuk suku-tahun pertama 1988 berlaku di dalam bentuk export-led growth atau investment-led growth. Adakah response dari pelabur-pelabur asing; sila nyatakan angka-angkanya yang paling akhir. Apakah tindakan Kerajaan seterusnya untuk memberi keyakinan kepada pelabur anak negeri supaya terus melabur di negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi negara telah pulih dan mengalami pertumbuhan yang pesat semenjak tahun 1987. Dalam tempoh suku pertama tahun 1988 negara kita telah mencatat pertumbuhan ekonomi pada kadar 7.5%. Eksport telah berkembang pada kadar 29% dalam tempoh yang sama.

Semasa membentangkan Belanjawan tahun 1989 baru-baru ini, Kementerian saya telah pun memaklumkan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa ekonomi negara dijangka mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 7.4% bagi keseluruhan tahun 1988, berbanding dengan hanya 5.2% pada tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian kadar pertumbuhan ekonomi yang baik ini adalah kerana langkah-langkah penyesuaian ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam beberapa tahun ini telah pun menunjukkan kesannya. Langkah-langkah ini telah pun menggalakkan eksport dan pengeluaran untuk eksport dan kegunaan dalam negeri. Di samping itu, terdapat permintaan luar negeri yang kukuh terhadap barangan perkilangan kita yang lebih kompetitif sekarang dan harga-harga barangan utama yang tinggi. Oleh itu, dalam tahun 1988 jumlah eksport dijangka terus meningkat sebanyak kira-kira 21%. Manakala kegiatan-kegiatan pelaburan swasta pula dijangka meningkat sebanyak lebih kurang 18% dan permintaan penggunaan dalam negeri dijangka mencatat kenaikan sebanyak 10%.

Prestasi dan prospek pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan ini telah berjaya mempertingkatkan keyakinan pelabur-pelabur asing untuk melabur di dalam negara kita ini. Dalam tempoh 8 bulan pertama tahun 1988, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah meluluskan sebanyak 428 projek dengan cadangan

pelaburan bernilai \$6,593.6 juta, berbanding dengan sebanyak 183 projek dengan cadangan pelaburan bernilai \$2,177.9 juta dalam tempoh yang sama tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini berbagai-bagai langkah telah diperkenalkan oleh Kerajaan bukan sahaja bagi menggalakkan kedatangan pelabur-pelabur asing tetapi juga bagi memberi keyakinan dan mempertingkatkan lagi kegiatan-kegiatan pelaburan di kalangan pelabur-pelabur tempatan atau anak negeri. Antara langkah-langkah tersebut termasuklah—

- (a) melonggar dan mempermudah peraturan dan prosedur-prosedur mendapatkan lesen perkilangan;
- (fr) menyediakan insentif-insentif yang berbentuk cukai dan buka-cukai sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta Penggalakan Pelaburan, 1986;
- (c) memperkenalkan Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport;
- (d) mengurangkan lagi kadar pinjaman asas bank-bank perdagangan; dan
- (e) baru-baru ini menubuhkan, dengan izin, "one-stop agency" di MIDA.

Laporan Ekonomi 1988/1989 ada memberi penerangan terperinci berkenaan perkembangan ekonomi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya prestasi ekonomi negara adalah membanggakan kita semua. Kejayaan ini bukan sahaja hasil dari perubahan dasar dan langkah yang diambil untuk mengukuhkan ekonomi tetapi juga adalah kerana kerjasama dan keyakinan yang penuh dari rakyat yang setia.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah betulnya angka perlumbuan ekonomi yang dikatakan 7.5% ini kerana kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sesudah balik daripada lawatan ke luar negeri baru-baru ini mengatakan 9%, manakala di dalam Laporan MIER (Malaysian Institute of Economic Research) mengatakan 5.6%. Itu satu.

Yang kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab dengan jelas iaitu pertumbuhan ini bergantung kepada export-led growth ataupun investment-led growth, tetapi dalam jawapan itu banyak menekankan soal pertumbuhan eksport kita sebanyak 29%. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, pertumbuhan ekonomi negara-negara ASEAN bertumbuh lebih pesat daripada kita setahun dua yang lalu kerana perancangan yang baik dalam negara dari segi ekonomi di mana projek-projek besar yang kita dapati membazir yang sebenarnya menyebabkan pertumbuhan kita lewat ataupun berlakunya perkara-perkara yang kita kira tidak memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan tambahan yang pertama iaitu berkenaan dengan kadar pertumbuhan ekonomi adakah 7.4% atau 6%, di sini saya ingin mengatakan bahawa pemimpin-pemimpin yang menyuarakan pandangan mereka masing-masing mungkin mempunyai asas-asas masing-masing dan saya di sini tidak dapat memberitahu Ahli-ahli di dalam Dewan yang mulia ini angka-angka yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin yang tertentu adakah berasas kepada maklumat-maklumat yang tidak serupa dengan Kementerian Kewangan.

Kepada soalan yang kedua, di sini saya ingin menyatakan bahawa kadar pertumbuhan sebanyak 29% ini adalah kadar yang tinggi sekali memandangkan bahawa dalam tahun-tahun kebelakangan ini ekonomi negara kita telah mengalami kemelesetan dalam tempoh yang panjang. Jadi, kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran bahawa pertumbuhan ekonomi mereka adalah lebih tinggi daripada negara kita ini, saya tidak dapat di sini memberitahu alasan-alasan di belakang ini tetapi memandangkan bahawa pelabur-pelabur asing yang datang ke negara kita ini telah bertambah dalam tahun ini, jadi Kerajaan kita mempunyai keyakinan yang besar, yang penuh bahawa ekonomi negara kita ini akan dapat bertambah baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad tidak hadir)

PERUSAHAAN AWAM BUKAN KEWANGAN

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan Syarikat Awam bukan kewangan sehingga 31-9-1988;
- (b) adakah beliau sedar masalah kelemahan pengurusan banyak syarikat awam bukan kewangan, jika sedar, berapa banyak yang telah dikenalpasti untuk ditutup atau dipulihkan semula; dan
- (c) apakah kerugian kewangan Kerajaan dalam syarikat-syarikat awam bukan kewangan dan adakah Kerajaan akan mengambil satu tindakan atau keputusan tertentu untuk menswastakan semua syarikat

awam bukan kewangan atau merangka penglibatannya dalam perusahaan-perusahaan tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penisahaan Awam Bukan Kewangan adalah merupakan agensi-agensi sektor awam yang didalamnya termasuklah badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat di mana pemilikan ekuiti oleh Kerajaan adalah 50% ataupun lebih. Sehingga 30-9-1988, terdapat sebanyak 719 buah syarikat-syarikat yang dikeriali sebagai Syarikat-syarikat Awam Bukan Kewangan ataupun "Non-Financial Public Enterprises", dengan izin.
- (b) Kerajaan sedar mengenai kelemahan-kelemahan yang dihadapi oleh beberapa syarikat Kerajaan yang dimaksudkan tadi. Salah satu daripada kelemahan-kelemahan ialah daripada segi pengurusan. Sebanyak 102 buah syarikat telah pun dikenalpasti sebagai syarikat-syarikat yang menghadapi beberapa masalah dan langkah-langkah tertentu telah dan akan diambil sama ada untuk membaikpulih, men-swastakan ataupun menutup syarikat-syarikat ini.
- (c) berdasarkan Penyata Kewangan Terakhir, yang telah pun dikemukakan, kerugian terkumpul syarikat-syarikat awam bukan kewangan ini adalah sebanyak \$239.915 juta. Tindakan-tindakan telah dan sedang diambil terhadap syarikat-syarikat bermasalah ini adalah sepertimana dihuraikan terlebih awal lagi, tetapi ingin saya menyatakan di sini bahawa

ini adalah kerugian terkumpul, dan ada juga syarikat-syarikat yang di dalam senarai membuat keuntungan yang tinggi.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementeriannya hendak menumpukan perhatian "zero in" kepada bahagian yang tertentu misalnya HICOM untuk menentukan dan memastikan kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam syarikat-syarikat ini, dan kemudiannya diumumkan supaya khalayak ramai dapat mengetahui dan dapat kita mengambil tindakan yang sewajarnya. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengemukakan akaun-akaun dari semenjak beberapa tahun kebelakangan ini untuk disemak, untuk dipastikan kelemahan-kelemahan yang wujud.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat mendalami motif Yang Berhormat yang berkenaan bertanya soalan tersebut. Jika sekiranya tujuan Yang Berhormat untuk menentukan iaitu adakah Kerajaan hendak "zero in", dengan izin, kepada satu syarikat sahaja iaitu HICOM (Heavy Industries Corporation of Malaysia), hukah maksudnya?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah kalau kita secara menyeluruh, kerana ada begitu banyak, lebih daripada 700 buah syarikat itu, mustahil hendak mengetahui apa yang benar-benar, soai yang pokok. Kalau kita menumpukan perhatian kepada syarikat misalnya di dalam HICOM, PERWAJA Terengganu, kita dapat tahu yang lebih mendalam.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ada maklumat tentang semua 717 syarikat yang berkenaan dan mungkin Yang Berhormat hanya membuat satu kenyataan yang melu mengatakan

HICOM mungkin rugi. Tetapi saya telah menyatakan dalam jawapan saya tadi, pada umumnya, in general, dengan izin, kebanyakan syarikat daripada 717 telah menghadapi ataupun telah mengalami kerugian terkumpul ataupun accumulated loss, dengan izin, sebanyak yang telah pun saya nyatakan tadi, Tetapi antara syarikat-syarikat yang daripada 717 itu ada yang telah membuat keuntungan. Saya boleh membaca satu persatu dan mungkin mengambil masa yang panjang, tiap-tiap satu, bila ditubuhkan dan masalah-masalah yang tetah pun mungkin.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Pilih yang besar sahaja, Tuan Yang di-Pertua, bukan yang terperinci, pilih yang besar, yang pokok.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertujuan untuk berdialog dengan Yang Berhormat, saya cuba hendak menjawab soalan beliau, berilah izin saya menjawab. Jadi kalau sekiranya diizinkan seperti saya katakan tadi, saya boteh bacakan satu persatu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran) Tidak payah Yang Berhormat, 700 itu tidak payah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Itulah. Jadi saya ingin hendak meminta kebenaran daripada Yang Berhormat kalau boleh baca satu persatu, untuk memberi gambaran yang sebenarnya kepada Yang Berhormat dari Kepong. (*Tepuk*) Oleh kerana itu saya ingin menyatakan di sini bahawa HICOM (Heavy Industries Corporation of Malaysia) bukan sahaja telah pun menunjukkan prestasi pengurusan yang baik, tetapi telah mencatatkan

keuntungan. Walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat ingin mendapat maklumat yang lebih lanjut, saya inginlah diberi peluang untuk memberi jawapan secara bertulis.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada kerugian, walaupun kerugian terkumpul yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ini adalah satu angka yang sangat membimbangkan. Maka saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan satu Kertas Putih untuk menyenaraikan semua agensi-agensi ataupun syarikat-syarikat awam yang berkenaan yang menghadapi kerugian untuk maklumat Dewan yang mutia ini, agar perkara ini dapat dibincang oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mungkin kerisauan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang itu boleh difahami, tetapi seperti yang saya nyatakan tadi, kita telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengkaji satu persatu syarikat-syarikat tersebut dan oleh kerana itulah maka maklumat-maklumat yang ada pada saya hampir lengkap dan saranan-saranan ataupun unjuran-unjuran tetah pun dibuat untuk membaikpulih, menswasta ataupun menutup syarikat-syarikat yang menunjukkan prestasi yang kurang baik. Mengenai sama ada Kerajaan akan mengeluarkan satu Kertas Putih ataupun kertas warna apapun, adalah terpulang kepada dasar Kerajaan yang mungkin akan diumumkan kemudian.

Tuan Hashim bin Safin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sejumlah daripada 715 syarikat, terdapat 102 yang bermasalah dan sedang diteliti dikaji sama ada untuk dibaikpulih, untuk ditutup atau diswastakan. Saya ingin mengetahui

apakah syarikat-syarikat yang sejumlah 102 ini sahaja yang berkemungkinan akan diswastakan ataupun bagaimana dengan syarikat-syarikat lain yang mendapat keuntungan banyak untuk diswastakan.

Kedua, bila penswastan dilakukan, apakah saham atau equity bumiputera dapat dijamin dalam penswastan yang akan dilakukan.

Tuan Mohamed Faiz bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun saya mengatakan pada umumnya 102 daripada syarikat yang telah pun menghadapi masalah atau telah pun menghadapi kerugian, tetapi pada umumnya saya ingin menyatakan sekali lagi pada masa ini iaitu terdapat sedikit keuntungan semasa (current profit), jumlah keuntungan semasa bagi kesemua syarikat-syarikat awam bukan kewangan adalah sebanyak \$2 juta. Mereka mula menunjukkan angka-angka yang baik, walaupun jumlah terkumpul yang saya katakan tadi, yang rugi accumulated loss ialah \$239 juta.

Soalan yang kedua, adakah Kerajaan bertujuan untuk menswastakan syarikat-syarikat yang rugi sahaja, Kerajaan mungkin bercadang untuk menswastakan syarikat-syarikat yang menunjukkan minat atau yang menarik minat sesiapa sahaja yang membuat cadangan kepada Kerajaan untuk menswastakan satu-satu syarikat. Pada umumnya mungkin tidak semua yang akan diswastakan, tetapi jika ada cadangan-cadangan tertentu, kita akan mengkajinya mengikut satu sistem ataupun satu dasar tertentu yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri ketika ini dan kemudian dirujuk kepada Kementerian Kewangan.

Soal sama ada sekiranya syarikat-syarikat ini apabila diswastakan dapat menjamin kedudukan ataupun

status equity bumiputera, adalah bergantung kepada beberapa perkara, tetapi pada umumnya kita akan menentukan bahawa ianya perlu mengikuti Dasar Ekonomi Baru.

HARGA BARANG-BARANG— KENAIKAN

8. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberi sebab-sebab kenaikan harga barang-barang keperluan seharian yang telah menjejaskan golongan yang berpendapatan rendah. Apakah langkah Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga barang-barang perlu bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

16-11-88

9. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa harga-harga kebanyakan barangan makanan perlu sedang meningkat menyebabkan kesulitan kepada golongan-golongan berpendapatan rendah dan jika ia, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil bagi mengatasi masalah ini.

17-11-88

19. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga barangan keperluan seperti beras, gula, susu, roti dan sebagainya telah naik dan ini menjejaskan pengguna berpendapatan rendah. Jika ya,

(a) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut; dan

(b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah kenaikan kos seperti buruh, pengangkutan, bahan

mentah dan seandainya yang menyebabkan harga barangan keperluan itu melambung.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru yang dijadualkan pada 16hb November, 1988 dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat yang dijadualkan pada 17hb November, 1988 kerana soalan-soalannya adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa harga kebanyakan barang-barang perlu, naik dari semasa ke semasa yang mana kesannya adalah dirasakan oleh semua pengguna terutamanya yang berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, ianya tidaklah dibiarkan begitu sahaja tanpa apa-apa tindakan dan pengawasan. Kerajaan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengawasi kedudukan bekalan dan harga barang-barang ini bagi memastikan harganya sentiasa berada di paras yang munasabah dan berpatutan.

Bagi barang-barang yang amat perlu seperti beras, gula, tepung gandum, susu pekat, bahan-bahan petroleum, simen dan bar bulat, Kerajaan telah menetapkan harganya dan sebarang kenaikan harga mestilah mendapat kebenaran Kerajaan terlebih dahulu. Siasatan menunjukkan bahawa barang-barang ini dijual dengan harga yang telah ditetapkan.

Bagi barang-barang yang lain, Kerajaan tidaklah menetapkan harganya. Harga barang-barang ini didapati turun naik dari semasa ke semasa disebabkan oleh pengaruh bekalan dan permintaan yang berubah-ubah mengikut musim.

Kenaikan kos-kos bahan mentah, pengangkutan serta bahan-bahan pembungkusan dan kenaikan nilai mata wang negara-negara pembekal juga menjadi faktor atas kenaikan harga barang-barang ini. Sungguh pun kos-kos ini telah naik agak tinggi, namun kenaikan harga barang-barang adalah didapati munasabah dan berpatutan. Kerajaan akan memastikan supaya kenaikan kos-kos ini diserapkan oleh pengilang-pengilang dan pengedar-pengedar seberapa yang boleh dan, jika tidak dapat diserapkan, kesan kenaikannya kepada pengguna akan dipastikan ke tahap yang minimum.

Sungguhpun barang-barang ini tidak ditetapkan harganya oleh Kerajaan, barang-barang ini wajib diletakkan tanda harga di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1977. Buat masa ini sebanyak 111 jenis barang-barang ini wajib diletakkan tanda harga.

Disamping itu sebanyak 20 jenis barang-barang perlu telah diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan tetap dan 25 jenis lagi sebagai barang-barang kawalan di musim-musim perayaan dengan tujuan untuk memastikan bekalan barang-barang di musim-musim perayaan dengan tujuan untuk memastikan bekalan barang-barang ini mencukupi dan senang didapati dipasaran dan untuk mencegah sebarang aktiviti penyorokan atau penyelewengan bagi maksud spekulasi. Dengan adanya bekalan yang mencukupi di pasaran, secara tidak langsung harga barang-barang ini dapat distabilkan.

Kerajaan akan sentiasa menjalankan pemeriksaan dan pengawasan untuk memastikan bekalan barang-barang perlu mencukupi dan harganya diletakkan mengikut Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1977 dan sebarang

penyelewengan akan diambil tindakan tegas. Dengan adanya tindakan terus menerus sepanjang masa ini, adalah didapati bekalan barang-barang mencukupi dan harganya stabil dan berada di paras yang berpatutan dan munasabah.

Perlu ditegaskan di sini bahawa peranan Kerajaan sahaja adalah tidak mencukupi untuk memerangi kenaikan harga barang-barang perlu. Pengguna-pengguna juga mestilah mengambil peranan yang sama dengan mengamalkan sikap jimat cermat dan hanya membeli barang-barang yang difikirkan perlu sahaja tanpa sebarang pembaziran. Cara ini adalah sebaik-baik jalan untuk mengurangkan kesan inflasi dan kenaikan harga barang-barang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mutlak telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 9 hingga 28 adalah diberi di bawah ini).

UJIAN TILAWAH AL-QURAN

6. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada hendak menyemak semula matlamat dan strategi ujian Tilawah Al-Quran bagi menyempurnakannya di masa hadapan.

Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman: Pada tiap-tiap tahun Kerajaan melantik Jawatankuasa Pusat Ujian Tilawah dan Menghafaz Al-Quran. Terserahlah kepada jawatankuasa ini sama ada hendak menyemak semula atau tidak matlamat dan strategi Ujian itu. Kerajaan bersedia menimbangkan cadangan jawatankuasa itu.

PELABURAN ASING— PENYERTAAN

9. Tuan Abdol Mulok Awang Damit minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelabur dari negara Hong Kong, Jepun, Korea dan Taiwan yang telah melabur di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 1987 hingga Jun 1988.

Tuan M. G. Pandithan: Bagi tempoh tahun 1987 hingga Jun 1988, sejumlah 11 projek-projek perkilangan dengan penyertaan pelaburan asing dari negara Hong Kong, Jepun, Korea Selatan dan Taiwan telah diluluskan untuk ditempatkan di negeri Sabah dan Sarawak. Bagi tempoh yang sama tidak ada pelaburan asing dari negara-negara tersebut untuk Wilayah Persekutuan Labuan.

Daripada 11 projek-projek yang diluluskan dengan penyertaan pelaburan asing dari negara Hong Kong, Jepun, Korea Selatan dan Taiwan, 10 projek adalah untuk ditempatkan di Sabah dan 1 projek adalah untuk ditempatkan di Sarawak.

Berdasarkan pada kajian yang dijalankan oleh pihak MIDA untuk menentukan kemajuan peringkat pelaksanaan projek-projek perkilangan yang telah diluluskan itu sejumlah 4 projek perkilangan telah beroperasi dan sebanyak 7 projek perkilangan lagi adalah dalam beberapa peringkat pelaksanaan.

KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH/MENENGAH— PERLAKSANAAN

10. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan Kementerian Pendidikan telah berjaya melaksanakan Kurikulum Baru

Sekolah Rendah (KBSR) dan kini bermula melaksanakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Apakah program yang dirancangan untuk Peringkat Tingkatan Enam dan Universiti supaya proses Pendidikan Negara kita menjadi satu proses yang lengkap dan berterusan,

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedang melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pada masa yang sama Kementerian Pendidikan juga sentiasa mengkaji dan mengubahsuaikan program dan kursus yang dijalankan di peringkat Tingkatan Enam dan universiti-universiti tempatan untuk memenuhi keperluan negara.

<i>Nama</i>	<i>Tarikh akhir Lembaga Penasihat Bersidang</i>	<i>Tempat Bersidang</i>	<i>Cadangan/Perakuan Lembaga Penasihat</i>
1. Y.B. Lim Guan Eng	14-7-1988	Pusat Tahanan Perlindungan Kemunting	Perintah Tahan atas subjek Patut diteruskan
2. Y.B. Lau Dak Kee	14-7-1988	sama	sama
3. Y.B. Karpal Singh s/o Ram Singh	2 -8-1988	sama	sama
4. Y.B. Patto a/l Perumal	16-8-1988	sama	sama
5. Y.B. Lim Kit Siang	18-8-1988	sama	sama

Cadangan dan perakuan Lembaga Penasihat mengenai kes-kes di atas telah pun dikemukakan kepada Menteri berkenaan.

PERUNTUKAN LUAR BANDAR DAERAH SIMUNJAN

12. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

(a) berapakah jumlah peruntukan kewangan bagi projek-projek

TAHANAN ISA—KAJIAN SEMULA

11. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tarikh kali terakhir dan tempatnya Lembaga Penasihat bersidang untuk mengkaji Perintah Tahanan ISA yang terdiri dari Y.B. Lim Kit Siang, Y.B. Karpal Singh, Y.B. P. Patto, Y.B. Lau Dak Kee dan Y.B. Lim Guan Eng dan sama ada cadangan Lembaga itu telah pun diserahkan kepada Menteri berkenaan dan nyatakan cadangan Lembaga itu telah pun diserahkan kepada Menteri berkenaan dan nyatakan cadangan bagi setiap tahanan tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Lembaga Penasihat telah bersidang untuk mengkaji semula Perintah-Perintah Tahanan bagi Ahli Y.B. yang ditahan seperti berikut:

luar bandar di Daerah Simunjan dalam tahun-tahun 1985, 1986, 1987 dan setakat bulan Ogos 1988 dengan memberi senarai projek-projek tersebut;

- (b) bilakah Kerajaan hendak menambab peruntukan tersebut memandangkan Daerah Simunjan amatlah jauh ketinggalan dalam bidang ini oleh daerah-daerah lain di Malaysia;
- (c) adakah Kerajaan bercadang hendak memberi peruntukan

percuma atau pinjaman tanpa faedah kepada siswazah-siswazah menganggur yang berasal dari luar bandar untuk menjalankan perusahaan-perusaah kecil; kalauya, biladan berapakah jumlah peruntukan itu; dan

- (c) bagaimanakah kejayaan program melibatkan siswazah-siswazah menganggur dalam bidang industri kecil setakat ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):

- (a) Jumlah peruntukan bagi program-program luar bandar Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi tahun 1985 hingga tahun 1988 di Daerah Simunjan, Sarawak ialah \$982,000. Pecahan agihan peruntukan bagi program-program berkenaan mengikut tahun 1985-1988 adalah seperti berikut:

1985	\$163,000
1986	\$273,000
1987	\$50,000
1988	\$496,000
	<hr/>
Jumlah ..	\$982,000
	<hr/>

- (b) Daerah Simunjan tidak ketinggalan dalam peruntukan projek-projek luar bandar. Daerah Simunjan akan terus diberikan peruntukan sewajarnya mengikut kemampuan agensi/Jabatan pelaksanaan dan cadangan oleh pihak berkenaan. Setakat ini \$700,000 telah pun diluluskan untuk projek Jalan Luar Bandar (JALB) Daerah Simunjan yang akan dilaksanakan dalam tahun 1989 atau 1990.

- (c) Kementerian ini mempunyai beberapa program untuk membangunkan industri kecil, termasuk industri kampung. Siswazah-siswazah menganggur yang berasal dari luar bandar adalah digalakkan untuk merebut peluang-peluang yang disediakan itu. Sejak dua tahun kebelakangan ini, sebanyak 30 buah projek kelolaan siswazah telah diluluskan bantuan mesin dan bengkel di bawah Program Industri Kampung. Projek-projek tersebut melibatkan 53 orang siswazah, dengan perbelanjaan kira-kira \$1.25 juta.

- (d) Setakat ini masih terlalu awal untuk mengukur kejayaan projek-projek tersebut kerana kebanyakannya masih dalam proses permulaan industrinya.

SISA TOXIC PERINDUSTRIAN

13. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sama ada Peraturan Sisa yang dijadualkan (Scheduled Waste Regulations) telah diwartakan, seperti yang telah diperuntukkan di bawah Environment Quality Control Act. Jika belum, kenapa demikian;
- (b) berapakah tempat telah ditetapkan di negeri Selangor untuk membuang sisa toxic perindustrian, dan apakah langkah langkah sedang diambil untuk memastikan bahawa pembuangan sisa toxic itu tidak membahayakan kesihatan penduduk-penduduk tempatan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Soalan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah

pun saya beri jawabannya di Dewan yang mulia ini pada 19 Oktober yang lalu semasa menjawab soalan daripada ahli Yang Berhormat dari Bagan memandangkan kedua-dua soalan itu adalah sama rupanya. Maka dengan itu, saya tidak ada apa-apa untuk menambah lagi.

GURU TERLATIH DI LUAR BANDAR—KEKURANGAN

14. Tuan Pitting Haji Mohd. Ali minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan yang telah dibuat oleh Kementerian terhadap masalah kekurangan guru-guru bagi kawasan luar bandar. Jika telah diambil tindakan minta Menteri menjelaskan kerana setakat ini di kawasan Kinabatangan masih lagi menghadapi masalah kekurangan guru untuk menambah kecekapan dan keberkesanan pendidikan sepertimana yang telah dirangka oleh Kementerian ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, di antara tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan guru terlatih terutamanya di luar bandar ialah:

1. Mengisi kekosongan tersebut dengan guru-guru sandaran tanpa latihan yang berkelayakan.
2. Menambah bilangan calon guru pelatih di Maktab-maktab Pengurusan.
3. Memberi keutamaan kepada negeri-negeri yang mempunyai kekurangan guru-guru terlatih dalam melaksanakan penempatan guru-guru.
4. Mengarahkan Pengarah-pengarah Pendidikan Negeri

supaya memberi keutamaan dalam membekalkan sekolah-sekolah di luar bandar dengan guru-guru terlatih.

Kekurangan guru terlatih di kawasan Kinabatangan pada ketika ini adalah diisi dengan guru-guru Sandaran Tanpa Latihan yang mempunyai kelayakan yang cukup dalam bidang yang diperlukan.

PENDATANG HARAM—OPERASI PERANGKAP

15. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan operasi-operasi perangkap dan serbuan diseluruh Semenanjung Malaysia, di Sarawak dan di Sabah bertujuan menangkap dan berkas orang-orang Pendatang Haram pada tahun 1987 dan pada JAN-JUN 1988, Senaraikan bilangan mereka yang telah ditahan mengikut negara asal mereka. Adakah operasi-operasi yang lebih berkesan dirangka dan hukuman-hukuman yang lebih berat dirangka oleh pihak Polis dan Jabatan Imigresen. Jika ada jelaskan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri menerusi Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Polis sentiasa menjalankan operasi di sebuah negeri baik secara besar-besaran atau kecilan dari semasa ke semasa untuk mengesan dan menangkap mana-aman warganegara asing yang memasuki negara ini tanpa izin.

Untuk makluman Yang Berhormat juga bilangan mereka yang ditangkap dan telah diambil tindakan bagi seluruh negara semenjak tahun 1987 sehingga Jun, 1988 adalah seperti berikut:

Jumlah yang ditangkap di Semenanjung

Pendatang Tanpa Izin Indonesia	:	13,073	bagi tahun 1987
		6,145	bagi tahun 1988
			(sehingga Jun)

Pendatang Tanpa Izin Thai	:	4,978	bagi tahun 1987
		1,683	bagi tahun 1988 (sehingga Jun)
Pendatang Tanpa Izin Burma	:	743	bagi tahun 1987
		311	bagi tahun 1988 (sehingga Jun)
Pendatang Tanpa Izin Filipina	:	114	bagi tahun 1987
		6	bagi tahun 1988 (sehingga Jun)

Pendatang Tanpa Izin yang ditangkap di Sabah

Pendatang Tanpa Izin Indonesia	:	977	bagi tahun 1987
		2,796	bagi tahun 1988 (sehingga Jun)
Pendatang Tanpa Izin Filipina	:	1,984	bagi tahun 1987
		2,863	bagi tahun 1988 (sehingga Jun)
Pendatang Tanpa Izin Pakistan	:	20	bagi tahun 1987
		tiada	bagi tahun 1988 (sehingga Jun)

Pendatang Tanpa Izin yang ditangkap di Sarawak

Pendatang Tanpa Izin Indonesia	:	762	bagi tahun 1987
		355	bagi tahun 1988 (sehingga Jun)
Pendatang Tanpa Izin Filipina	:	15	bagi tahun 1987
		9	bagi tahun 1988 (sehingga Jun)
Pendatang Tanpa Izin Burma	:	18	bagi tahun 1987
		tiada	bagi tahun 1988 (sehingga Jun)

Selain daripada pendatang tanpa izin yang saya baru sebutkan, ada lagi pendatang yang masuk secara tidak sah, tapi bilangannya tidak begitu hesar.

**PERBADANAN KEMAJUAN
PELANCONGAN KEKURANGAN
KAKITANGAN**

16. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar bahawa Perbadanan Kemajuan Pelancongan mengalami masalah kekurangan kakitangan-kakitangan; dan

- (ii) sekiranya ada, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):

- (i) sebagaimana juga dengan organisasi-organisasi lain PKPM dari semasa ke semasa menjalani perubahan sesuai dengan perkembangan dan

keperluan semasa. Dengan penekanan baru kerajaan terhadap industri pelancongan yang memerlukan usaha-usaha galakan pelancongan dilipat gandakan serta dengan pertambahan peruntukan sebanyak \$100 juta, bilangan perjawatan yang ada sekarang ini dirasakan tidak mencukupi untuk menampung keperluan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti PKPM keseluruhannya.

- (ii) dalam hal ini pihak Kementerian telah mengemukakan Kertas Cadangan penyusunan semula Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia kepada pihak yang berkenaan yang dihantar lainnya melibatkan pengwujudan dan pertambahan bilangan jawatan penting yang diharapkan dapat memenuhi keperluan dan meningkat keupayaan PKPM melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab dengan lebih berkesan lagi.

BOT LAUT DALAM TIDAK BERLESEN

17. Tuan Haji Omar bin Wan Majid minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian Pertanian telah menyiasat dakwaan yang menyatakan bahawa ada bot laut dalam yang tidak berlesen menjalankan operasi dengan memakai nombor yang sama dengan bot laut dalam yang dilesenkan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya perkara seperti itu tidak berlaku.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Kementerian Pertanian telah menyiasat dakwaan mengenai kemungkinan terdapatnya bot-bot laut dalam yang tidak berlesen tetapi

menjalankan operasi dengan menggunakan nombor bot laut dalam yang berlesen. Hasil siasatan telah menunjukkan bahawa dakwaan tersebut adalah tidak benar. Langkah-langkah yang diambil supaya perkara ini tidak berlaku ialah dengan mengadakan pemeriksaan ke atas lesen-lesen bot laut dalam dan perkakas merangkap ikan dari masa ke semasa. Pengawasan udara juga dilakukan.

PERTUBUHAN PELADANG— KEMAJUAN

18. Dato Zainol Abidin bin Johari minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang sering dan sungguh-sungguh dari Kerajaan untuk menjadikan peladang-peladang kita seperti peladang-peladang di Korea dan Taiwan di mana segala kemasukan dan pengeluaran bahan-bahan dan jentera pertanian diserahkan kepada pertubuhan peladang sendiri, manakala di Malaysia membekal jentera ladang oleh peladang tidak diberi kepada peladang.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Kerajaan bersungguh-sungguh hendak menjadikan peladang-peladang dan Pertubuhan mereka berdaya maju sepertimana di Korea dan Taiwan. Di Malaysia perkara ini berlaku secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan dan kemajuan Pertubuhan Peladang.

Di negara kita, Kerajaan memberi perhatian kepada dua aspek dalam membantu Pertubuhan Peladang. Kemasukan dan pengeluaran bahan-bahan dan jentera pertanian iaitu dari segi pembekalan dan perkhidmatan kepada peladang-peladang.

Dalam pembekalan jentera pertanian melalui Lembaga Pertubuhan Peladang iaitu Nafas telah diberi kontrak sebanyak \$11 juta dari \$24 juta mulai tahun 1982. Bagi

kontrak pembekalan untuk tahun 1987 tawaran Nafas tidak memenuhi penentuan dalam bekalan traktor tetapi mendapat tawaran dalam alat "Rotary Tiller" sahaja.

Dalam aspek perkhidmatan kepada peladang-peladang, perkhidmatan ini sedang di kelolakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang melalui 18 pusat Mekanisasi Peladang di seluruh Semenanjung Malaysia. Kerajaan bercadang untuk menyerahkan perkhidmatan ini kepada badan seperti Nafas atau syarikat usahasama antara Badan-badan Peladang. Pada masa sekarang kajian terperinci sedang di buat untuk mengenal pasti cara pengswastaaan yang paling sesuai dengan tidak membebankan Pertubuhan Peladang.

DISIPLIN DI SEKOLAH

19. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pendidikan menyatakan sebab-sebab berlakunya ketiadaan disiplin di kalangan murid-murid sekolah dan sama ada semangat rendah guru-guru yang kerja lebih tetapi dibayar gaji yang kurang serta teladan buruk yang ditunjukkan oleh sebilangan guru-guru yang berkelakuan buruk merupakan sebab-sebab utama mengapa berlakunya ketiadaan disiplin.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab-sebab masalah disiplin di sekolah-sekolah kita meningkat ialah seperti berikut:

- (i) *Diri pelajar sendiri*— Menghadapi masalah emosi dan memang nakal.
- (ii) *Persekitaran* -semakin banyak terdapat tempat hiburan terutama di bandar-bandar seperti pusat membeli belah, roller skating dan pusat snooker.
- (iii) *Keluarga*—rumah tangga yang kucar-kacir, ibu bapa tidak

mengambil berat keselamatan anak-anak, kurang menekankan pembentukan akhlak dan kurang pengetahuan tentang cara yang baik untuk mengasuh anak.

- (iv) *Sekolah*—keadaan sekolah yang sesak menyebabkan suasana sekolah tidak selesa dan tidak menyeronokkan.

Tanggapan yang mengatakan bahwa semangat rendah di kalangan guru-guru dan sebilangan guru-guru yang berkelakuan buruk menyebabkan disiplin murid-murid merosot tidak dapat diterima.

SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG ABUAN SUGUT— PEMBINAAN

20. Tuan Michael Asang minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah pembinaan bangunan Sekolah Kebangsaan Kampung Abuan Sugut dimulakan memandangkan ruang Balairaya yang digunakan untuk mengajar oleh 5 orang guru di sana ternyata terlalu sempit ruangnya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan merancang untuk membina sebuah Sekolah Kebangsaan di kawasan kampung Abuan Sugut. Sekarang ini Kementerian sedang dalam proses mengambil semula tapak tersebut. Pembinaannya akan dilaksanakan apabila proses pengambilan balik tapak itu selesai dilaksanakan dan peruntukan diperolehi.

SOSIO-EKONOMI BELIA LUAR BANDAR

21. Tuan Madatang Morejal minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan peranan Kementerian tersebut dalam pembangunan sosial-ekonomi belia di luar bandar khususnya di Negeri Sabah.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Kementerian Belia dan Sukan sememangnya telah memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi belia luar bandar sesuai dengan hasrat Kementerian membangunkan masyarakat belia dalam bidang ekonomi dan sosial di seluruh negara termasuk Sabah.

Di antara bidang program yang dijalankan khasnya di Sabah ialah:

- i. Program Pembangunan Manusia
- ii. Program Pembangunan Fisikal
- iii. Program Pembangunan Ekonomi

Program ini dijalankan melalui rancangan-rancangan berikut:

- i. Kursus Kepimpinan Asas
- ii. Kursus Kehidupan Ber masyarakat
- iii. Kursus Dorongan Latihan Sambil Bekerja
- iv. Kegiatan Industri Kampung
- v. Kursus Kepimpinan Wanita
- vi. Kem Musim Cuti
- vii. Rancangan Pengembaraan Belia
- viii. Pertukaran Belia Sabah/Sarawak/Semenanjung
- ix. Projek-projek Pembangunan Ekonomi taitu Rancangan Belia Berniaga, Rancangan Peniaga Kecil dan Rancangan Belia Peladang
- x. Bengkel Teknologi Desa yang akan diwujudkan di Kg. Simulihan, Keningau

WARGANEGARA MALAYSIA BERHIJRAH KE LUAR NEGERI

22. Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Abdul Latib minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengenai rakyat

negara ini yang telah berpindah ke negara asing:

- (a) berapa ramaikah jumlah mereka hingga kini;
- (6) adakah taraf kerakyatan mereka terlucut dengan sendirinya; dan
- (c) berapa ramaikah pula yang memohon kerakyatan semula.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, Kerajaan Malaysia memberikan kebenaran kepada warganegaraanya untuk pergi keluar negeri jika pemergian mereka itu diterima oleh negara-negara asing berkenaan. Oleh yang demikian, Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan maklumat-maklumat mengenai warganegara Malaysia yang telah berpindah ke negara-negara asing. Kementerian Dalam Negeri hanya menyimpan rekod mengenai jumlah yang telah menolak atau dilucutkan taraf kewarganegaraan mereka kerana menjadi rakyat negara asing.
- (b) Taraf kewarganegaraan seseorang rakyat Malaysia tidak terlucut dengan sendirinya. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa seseorang rakyat Malaysia boleh menolak taraf kerakyatannya, manakala Kerajaan Persekutuan pula berkuasa untuk melucutkan taraf kerakyatan itu atas sebab-sebab tertentu.
- (c) Seramai 379 orang yang berpindah serta hilang taraf kewarganegaraan Malaysia telah memohon semula untuk menjadi warganegara.

NELAYAN FILIPINA DITAHAN DI SABAH

23. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kedudukan setakat ini kes penangkapan 49 nelayan Filipina di perairan Sabah dari segi implikasinya dengan perhubungan dua hala di antara Malaysia dan Filipina; adakah benar kenyataan di akhbar di Manila yang dibuat oleh 48 nelayan bahawa Malaysia tidak memberi layanan yang baik seperti makanan kepada mereka waktu dalam tahanan. Adakah Kerajaan bercadang supaya rundingan dibuat di antara Malaysia dan Filipina mengenai dengan sempadan bersama untuk nelayan menangkap ikan (Common fishing ground).

11-11-88

15. Tuan Joe Ojihi Supiring minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia terhadap 49 orang nelayan yang ditahan di Sabah dan adakah tindakan tersebut akan menjejaskan hubungan Negara Malaysia dengan Kerajaan Filipina, terutama sekali soal tuntutan ke atas Sabah.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Marudu pada 11hb November, 1988.

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, nelayan-nelayan Filipina tersebut telah dihadapkan ke Mahkamah kerana melanggar Akta Perikanan 1984 dengan menangkap ikan tanpa izin di dalam Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia. Apabila mereka dibebaskan oleh Mahkamah Session, pihak Pendakwa telah mengemukakan notis rayuan kepada Mahkamah Tinggi. Walau bagaimanapun, notis rayuan ini telah ditarik balik berikutan dengan permintaan Kerajaan Filipina

supaya nelayan-nelayan tersebut dibebaskan. Namun demikian, sebelum nelayan-nelayan tersebut dibebaskan dan bot mereka dikembalikan, Kerajaan Pilipina telah diberitahu secara rasmi supaya memberi amaran kepada nelayan-nelayan mereka dan menghormati kawasan ZEE Malaysia dan sekiranya perkara ini berulang lagi, mereka akan menghadapi tindakan undang-undang Malaysia sepenuhnya.

Adalah tidak benar nelayan-nelayan yang ditahan itu tidak diberi layanan yang baik sewaktu dalam tahanan seperti dilaporkan di akhbar-akhbar di ManiU. Sebaliknya, sementara menunggu hari pembicaraan, nelayan-nelayan tersebut telah dibebaskan dengan ikatan jaminan. Sepanjang tempoh tersebut, mereka adalah di bawah jagaan dan tanggungan majikan mereka yang telah menempatkan mereka di sebuah rumah yang disewakan khas.

Masalah perikanan yang timbul di antara Malaysia dan Pilipina adalah kerana tuntutan berlapis di kawasan yang sama oleh kedua-dua buah negara. Berikutan dengan kes 49 orang nelayan tersebut, Kerajaan Pilipina telah mencadangkan diadakan rundingan untuk mencari penyelesaian sementara terhadap masalah ini. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia telah menyatakan kesanggupan untuk mengadakan rundingan dan sekarang sedang bersiap sedia untuk rundingan tersebut.

MAJLIS KERAJAAN TEMPATAN—ROMBAKAN

24. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada sebarang rancangan Kementerian untuk mencadangkan kepada semua Kerajaan Negeri supaya merombak jentera dan pentadbiran majlis-majlis Kerajaan Tempatan sepertimana yang

telah dilaksanakan di Negeri Kelantan supaya semua Majlis-majlis tersebut akan bergerak dengan lebih berkesan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Sistem Kerajaan Tempatan yang diamalkan di Malaysia sekarang ini adalah memuaskan dan sesuai dengan keadaan semasa. Oleh itu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bercadang untuk menukar corak jentera dan pentadbiran pihak-pihak berkuasa tempatan yang diamalkan sekarang ini.

Setahu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tiada rombakan jentera dan pentadbiran pihak-pihak berkuasa tempatan dilakukan di Negeri Kelantan. Apa yang dibuat oleh pihak berkuasa negeri tersebut hanyalah merupakan tindakan untuk menyemak dan melantik semula Ahli-ahli Majlis untuk satu tempoh yang tertentu. Semakan dan perlantikan Ahli-ahli Majlis boleh dibuat dari semasa ke semasa oleh Kerajaan Negeri mengikut keperluan negeri yang berkenaan dan ianya adalah sejajar dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

MAHASISWA MENGANGGUR

25. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Buruh menyatakan Malaysia mempunyai ramai mahasiswa penganggur, baik lulusan pusat-pusat pengajian tinggi dalam negeri mahu pun dari luar negeri:

(a) berapa ramaikah mahasiswa penganggur yang dapat dikesan dari Pusat-pusat Pengajian Tinggi ini yang telah mendaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat untuk mendapat pekerjaan dengan Kerajaan atau swasta dan berapa ramaikah yang telah bekerja di luar Malaysia; dan

(b) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengurangkan mahasiswa penganggur ini supaya tidak menimbulkan implikasi yang tidak sihat di kalangan mereka ini.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):

(a) Jika soalan Yang Berhormat bermaksud siswazah menganggur, maka bilangan mereka yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Buruh dan masih aktif mencari kerja sehingga bulan Ogos 1988 ialah seramai 6,511 orang. Kementerian Buruh tidak ada maklumat mengenai siswazah yang bekerja di luar Malaysia kerana mereka tidak melaporkan kepada Kementerian Buruh.

(b) Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah, seperti berikut:

(i) Menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet Program Peluang Pekerjaan Siswazah untuk merancang dan melaksanakan program-program tertentu, antaranya adalah seperti berikut:

- (1) Skim Khidmat Sambilan (SKS)
- (2) Skim Latihan Khas
- (3) Skim Latihan di Sektor Swasta
- (4) Skim Siswazah Tani
- (5) Skim Melanjutkan Pelajaran
- (6) Skim Latihan Kemahiran
- (7) Skim Khidmat Sokongan

(8) Skim Pekerjaan di Sektor Awam

Di bawah skim-skim tersebut seramai 5,817 siswazah telah berjaya mendapat pekerjaan di pelbagai bidang.

- (ii) Melalui Biro Pekerjaan Ikhtisas, Jabatan Tenaga Rakyat telah memperingkatkan usahanya untuk menempatkan siswazah yang menganggur di sektor swasta. Bagi tempoh mulai 1985 sehingga bulan Ogos 1988 seramai 1,288 siswazah yang menganggur ditempatkan terutamanya di sektor swasta.
- (iii) Membantu menubuhkan Pusat Maklumat Pekerjaan Siswazah (PMPS) di Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dalam bulan Ogos 1988 untuk mempergiatkan lagi usaha Kerajaan menempatkan siswazah-siswazah yang menganggur.
- (iv) Kerajaan telah dan sedang mempergiatkan usahanya untuk mempertingkatkan ekonomi negara terutamanya melalui pelaburan sektor swasta demi mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan bagi semua penganggur termasuk siswazah.

PENGERUDIAN MINYAK/GAS

26. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sejak usaha ujian pengerudian minyak/gas di PM 1 dilaksanakan tahun ini apakah hasil daripada usaha-usaha tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):

Blok PM 1 ialah kawasan yang terletak di luar pantai Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak di Selat Melaka. Dari segi kedudukan geologinya, blok ini terletak di bahagian timur Lembangan Sumatera Utara, sebuah kawasan yang telah terbukti mengeluarkan minyak dan gas. Satu Perjanjian Perkongsian Pengeluaran telah ditandatangani antara PETRONAS dengan Konsortium yang terdiri dari dua syarikat (Sun Malaysia Oil Company dan Champlin Malaysia Incorporated) pada 11-12-1987. Untuk makluman Dewan, setakat ini pengerudian belum lagi dimulakan. Konsortium tersebut masih lagi mengkaji data seismik yang diperolehi bagi memastikan potensi hidrokarbon di kawasan itu. Adalah dijangkakan pengerudian bagi telaga carigali yang pertama untuk menguji potensi hidrokarbon di kawasan tersebut akan dibuat pada bulan Jun 1989.

SPORT AID 88—KUTIPAN

27. Tuan Hu Sepang minta Menteri Penerangan mengatakan berapa banyakkah wang yang telah dikutip daripada Telethon RTM 88 bersama Sport Aid 88 dan berapa peratus mereka yang berjanjian sumbangan itu adalah yang palsu dan sila nyatakan dengan wang yang telah dikutip bagaimanakah Majlis Kebajikan Negara akan mengusahakan wang tersebut.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Jawapan bagi soalan ini adalah sama seperti jawapan bagi soalan No. 9 dari Yang Berhormat Ahli dari Marang yang dijawab di Dewan ini pada 11-10-88.

Kementerian ini tidak ingin membuat tambahan kepada jawapan tersebut.

**TUNTUTAN FILIPINA KE
ATAS SABAH**

28. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini tentang perkembangan-perkembangan terakhir mengenai pendirian Filipina ke atas tuntutannya terhadap negeri Sabah.

Perdana Menteri: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tindakan menyelesaikan perkara tuntutan itu torpulang kepada kebijaksanaan negara Filipina sendiri. Pemerintahan Acquino telah mengarnbil beberapa inisiatif, tetapi setakat ini belum lagi berhasil.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1989**

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1989

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$7,878,873,740 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1989, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan Pembangunan yang

dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 Tahun 1988, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (3hb November, 1988)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat, belum habis?

4.07 ptg.

Tuan Haji Basri bin Bajuri (Kuala Langat): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Biasanya kita dapat menilai sedap atau tidaknya makanan itu bila kita lapar. Dan kita juga menilai erti kesihatan itu bila kita sakit.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam masyarakat kita ini biasanya ada dua golongan yang suka jumpa Doktor. Golongan yang pertama ia jumpa Doktor kerana ia sakit. Dan yang kedua ia jumpa Doktor kerana tidak mahu sakit. Sebenarnya tidak ada siapa yang suka jumpa Doktor, Mereka yang jumpa Doktor adalah kerana terpaksa. Dan dalam negara kita kebanyakan mereka yang berjumpa Doktor adalah terdiri dari golongan pesakit.

Dalam hal ini kita mahu meramaikan golongan yang kedua iaitu golongan yang berjumpa Doktor kerana tidak mahu sakit. Jika ini dapat dilaksanakan maka masalah kesesakan hospital dapat dikurangkan. Masalah kekurangan ubat atau kakitangan juga dapat dikurangkan kerana ubat yang paling mujarab ialah kesedaran dan slogan prevention is better than cure, dengan izin, haruslah ditanamkan kepada semua orang supaya menjadi amalan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh peruntukan kepada Kementerian Pendidikan yang berjumlah lebih dari \$4.33 billion yang merupakan salah satu yang tertinggi di antara lain-lain Kementerian. Dalam hubungan ini saya ingin menyentuh masalah pendidikan pra sekolah, walaupun tidak terdapat peruntukan dalam Kementerian ini.

Kesedaran ke atas pentingnya pendidikan pra sekolah oleh ibu bapa begitu ketara sekali sehingga di seluruh ceruk rantau dalam negara ini sudah wujud kelas-kelas yang berkaitan atas berbagai-bagai nama seperti TADIKA, TABIKA, TASKI, TASKA dan sebagainya. Saya rasa sudah sampai masanya bagi Kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan mengambil alih atau sekurang-kurangnya memberikan pengawasan yang teliti terhadap perkembangan ini. Ia adalah bagi mengelakkan terdapatnya penyelewengan dan bagi memastikan bahawa pendidikan pra sekolah tersebut selari dengan matlamat dan dasar pendidikan negara kita. Hari ini kita sudah dengar ada berlakunya penyelewengan ke atas TADIKA yang mana kelas-kelas berkenaan dijadikan tempat mengembangkari pengaruh politik dan juga menanamkan rasa benci kanak-kanak terhadap pemimpin-pemimpin negara.

Mengenai latihan bagi guru-guru kelas-kelas berkenaan hari ini adalah tidak seragani, yang ada ialah anjuran Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar iaitu Pusat Latihan KEMAS. Setengah-setengahnya mendapat latihan dari luar negeri, setengahnya pula mendapat latihan dari dalam negeri dan setengahnya pula mengajar tanpa sebarang latihan.

Oleh yang demikian, sudah sampaikan masanya bagi Kerajaan menyusun satu program mengenai pendidikan pra-persekolahan ini bagi menseragamkan latihan serta sukatan

pelajaran supaya tidak lari daripada matlamat kita. Satu bentuk institusi latihan perlu diwujudkan sama ada ia akan dikendalikan sendiri oleh Kerajaan ataupun diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, peranan pendidikan dalam pembangunan sesebuah negara memang tidak dapat sesiapa menafikannya kerana melalui sistem pendidikan yang teratur dan sempurnalah maka akan menentukan personaliti-personaliti individu dalam sesebuah negara. Jika kita mahu rakyat yang bermoral, maka sekolah adalah tempat bermulanya. Begitu juga jika kita mahu rakyat yang dedikasi dan berdisiplin. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan Haji Basri bin Bajuri: 5 minit tidak bolehkah, Tuan Yang di-Pertua? Dalam hubungan ini peranan dan tanggungjawab guru tidak seharusnya statik dan terhad kepada penyampaian apa yang terkandung di dalam sukatan pelajaran semata-mata, sebaliknya lebih luas dari itu. Guru juga bertanggungjawab untuk membentuk keperibadian murid-muridnya. Tetapi dalam suasana di mana guru dibebankan dengan tugas yang berat, insentif yang rendah dan dorongan yang minimum, kita tidak dapat mengharapkan kesan yang memuaskan. Setengah guru mengajar tanpa rehat, ditambah pula dengan kegiatan-kegiatan ko-kurikulum yang banyak serta kerja-kerja sekolah yang harus diselesaikan di rumah. Dengan bebanan kerja yang berat itu adalah sukar bagi guru-guru untuk memikir dan merancang seperti memberikan lebih perhatian kepada individu-individu dalam usahanya untuk membentuk sahsiah dan keperibadian seseorang murid. Kesannya guru hanya dapat menamatkan kerja-kerja yang tersurat sahaja sedangkan matlamat asalnya tidak tercapai.

Dalam usaha mewujudkan kumpulan guru yang baik, sukatah saya menyarankan bahawa dalam melantik guru-guru besar atau pengetua-pengetua sekolah, merit haruslah diutamakan sebelum kekananan. Hari ini dalam perlantikan guru-guru besar dan pengetua-pengetua sekolah didapati kekananan dari segi perkhidmatan lebih diutamakan daripada merit. Ini merupakan salah satu faktor yang boleh membawa kesan negatif kepada guru-guru yang dedikasi. Pada hari ini dengan segala kemudahan yang ada, kita masih menghadapi berbagai-bagai masalah seperti masalah kemerosotan disiptin murid, mahupun guru, masalah ponteng murid ataupun guru dan juga masalah pencapaian yang belum membanggakan. Katau satu ketika dahulu kita mengatakan bahawa rendahnya pencapaian pelajaran murid-murid adalah disebabkan oleh masatah kekurangannya kemudahan-kemudahan asas. tetapi pada ketika ini masalah itu sudah tidak timbul lagi. Jadi, di manakah silapnya?

Satu tagi perkara yang saya ingin tekankan di sini ialah bahawa disiptin murid yang kian merosot. Saya sedar bahawa masalah disiplin ini satu masalah yang sangat rumit yang mempunyai hubungan rapat dengan taktor-taktor keluarga dan alam sekitar termasuk pengaruh televisyen dan sebagainya. Tidak ada maknanya kita melahirkan anak-anak yang pandai dan berpelajaran tinggi kalau sekaligus kita tidak dapat melahirkan anak-anak yang berilmu dan bermoral tinggi.

Satu perkara yang saya rasa boleh dilaksanakan ialah mewujudkan satu jawatan baru di semua sekolah iaitu guru penolong kanan yang mengendalikan hal ehwal murid atau apa sahaja nama yang sesuai dengannya. Tugas utama guru berkenaan ialah memastikan bahawa disiplin dan moral murid itu berada di tahap yang tinggi. Ini bermakna guru tersebut mesti mewujudkan

perhubungan yang baik dengan ibu bapa atau penjaga murid terutamanya murid-murid yang mempunyai masalah disiplin. Guru tersebut bukan sahaja menjaga dan mengawasi masalah disiplin setiap murid tetapi juga jadi sebagai pemimpin dan pendorong kepada setiap murid supaya setiap murid mempunyai semangat untuk maju dan mengetahui ke arah mana yang harus diikuti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila gulungkan.

Tuan Haji Basri bin Bajuri: Ini menggulung. Pada masa ini sebahagian besar daripada murid kita sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah tidak mempunyai haluan tertentu. Misalnya mereka tidak tahu ke mana dan apa yang harus mereka buat sekiranya mereka lulus ataupun tidak lulus SRP. Untuk menuju ke arah itu, guru penolong kanan hal ehwal murid ini harus diberi latihan serta ilmu yang lengkap seperti rundingcara dan sebagainya. Guru tersebut juga harus ditanamkan semangat kebangsaan yang tinggi serta mempunyai pengetahuan yang luas.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan dengan menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Jambongan.

4.16ptg.

Tuan Michael Asang (Jambongan): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahas Rang Undang-undang Perbekalan 1989 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Paduka Menteri Kewangan pada hari Jumaat lalu.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas kecekapan Yang Berhormat Dato' Paduka Menteri

Kewangan bagi menyediakan dan menyusun Belanjawan bagi tahun 1989 yang begitu kemas dan dapat membantu semua golongan terutama sekali penduduk luar bandar. Walaupun pada dasarnya, kemelesetan ekonomi negara ini belum begitu pulih, tetapi dengan pertambahan peruntukan bagi tahun 1989 sebanyak \$2,044 juta atau kira-kira 7.3% lebih daripada jumlah peruntukan tahun ini jelas membuktikan kesungguhan Kerajaan benar-benar memberi perhatian ke arah pembangunan negara ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak \$800 juta bagi tahun 1989 dan 1990 yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan beberapa hari yang lepas untuk pembangunan luar bandar adalah sangat dialu-alukan. Keputusan untuk memberi peruntukan sebanyak ini memanglah patut dan tepat memandangkan penduduk di luar bandar masih jauh ketinggalan dari segi kemudahan asas dibandingkan dengan penduduk di bandar. Walau bagaimanapun, dalam hal ini sukalah juga saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya dapat menyalurkan peruntukan yang lebih munasabah kepada negeri Sabah. Memandangkan dari segi status luar bandar di Sabah dan di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia memanglah sama. Tetapi dari segi atau sudut pembangunan tidak dapat dinafikan kawasan atau penduduk luar bandar di Sabah adalah jauh mundur dan ketinggalan daripada kawasan luar bandar yang terdapat di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Misalnya satu kawasan pilihanraya Negeri iaitu kawasan Sugut yang juga termasuk dalam kawasan Parlimen Jambangan di mana walaupun Sabah

sudah merayakan Jubli Perak kemerdekaannya, namun satu batang jalan raya belum dibina, Begitu juga dengan dua kawasan pilihanraya negeri yang lain iaitu kawasan Labuk dan Sungai Sibuga di mana beberapa buah kampung seperti Kampung Jaya Bakti, Kampung Bautu, Kampung Buis, Kampung Kiabau dan Rancangan Sungai Manila walaupun sudah boleh dihubungi dengan jalan raya, tetapi belum mendapat kemudahan bekalan elektrik dan bekalan air. Justeru itu mudah-mudahan dengan adanya pembahagian peruntukan yang lebih banyak kepada negeri Sabah pada tahun hadapan sedikit sebanyak masalah di luar bandar khususnya kepada beberapa buah kampung yang saya sebutkan tadi dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, rasanya adalah membosankan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini apabila isu masalah pelarian dan pendatang haram ini dibangkitkan berulang kali. Tetapi oleh kerana sesudah kerap kali isu ini dibincangkan di Dewan yang mulia ini, masalah akibat kehadiran pendatang haram dan pelarian di Sabah masih berleluasa dan belum mendapat sebarang penyelesaian. Maka saya rasa kewajipan dan tanggungjawab selaku Wakil Rakyat dari parti yang memerintah negeri Sabah pada hari ini harus menentukan usaha untuk mendapatkan penyelesaian melalui tindakan kerjasama dan jasa baik Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri serta semua ahli Kabinetnya ke atas masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan Rakyat daripada Parti PBS yang juga satu daripada komponen Parti Barisan Nasional, sukalah saya sekati lagi merayu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri supaya dapat memahami perasaan rakyat Sabah terhadap masalah pendatang haram dan pelarian di negeri Sabah selama ini.

Saya percaya dan yakin bahawa kalau masalah pelarian Vietnam yang wujud di Semenanjung ini boleh diusahakan satu penyelesaiannya, saya tidak nampak logiknya kenapakah masalah pendatang haram dan pelarian di Sabah tidak boleh dicarikan jalan ke arah penyelesaian yang serupa. Barangkali setakat ini belum ada lagi komitmen yang wujud diambil oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini juga, saya bagi pihak rakyat Sabah memohon supaya Kerajaan Persekutuan menyokong permintaan negeri Sabah supaya Konsul Pilipina didirikan di negeri Sabah dengan seberapa segera. Hal ini penting supaya kebajikan dan kegiatan-kegiatan pendatang dan pelarian haram Filipina dapat dijaga. Kerajaan Persekutuan juga hendaklah berbincang dengan Kerajaan Filipina berhubung dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan-kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri selepas lawatannya ke negeri Sabah pada 17hb Ogos, 1988 menunjukkan bahawa beliau sudah mengakui betapa seriusnya masalah akibat kehadiran pelarian dan pendatang haram di negeri Sabah masa kini. Masalah-masalah yang saya maksudkan termasuklah peningkatan jenayah dan penurunan taraf kesihatan rakyat Sabah. Oleh yang demikian, sesuai dengan kelebihan jumlah peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pertahanan pada tahun 1989, saya merayu supaya bilangan anggota polis dan kelengkapan alat moden dapat ditambah terutama sekali di kawasan perairan pantai timur Sabah untuk mengawal dan membanteras kegiatan lanun yang kini kian meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, pembiakan pendatang asing dan termasuklah pelarian di negeri Sabah merupakan satu lagi masalah yang sangat-sangat

tidak disenangi oleh rakyat Sabah. Oleh itu, saya merayu agar Kerajaan Persekutuan harus mengkaji semula pengeluaran surat lahir kepada anak-anak pendatang asing dan pelarian itu. Pada masa ini pengeluaran surat lahir kepada bayi-bayi pendatang asing dan pelarian adalah sama bentuknya dengan surat lahir yang dikeluarkan kepada bayi-bayi tempatan. Walaupun pada ketika ini kita tidak mengetahui bilangan rasmi anak pendatang asing yang saya maksudkan, tetapi persoalan pokok ialah bentuk serupa. Saya merasa ragu jika perkara ini berterusan, dalam masa jangka panjang bilangan mereka ini akan melebihi bilangan penduduk asli di negeri Sabah dan kita tidak mahu satu masa nanti negeri Sabah akan diperintah oleh orang asing.

Justeru itu, demi kepentingan rakyat Sabah dan negara Malaysia, saya mencadangkan supaya bayi-bayi mereka yang dilahirkan di Sabah haruslah dikeluarkan dengan surat lahir yang berlainan bentuknya. Walaupun barangkali terdapat cara yang boleh membezakan di antara kedua-dua surat beranak itu, namun saya masih meragui. Oleh itu, untuk mengatasi masalah yang saya maksudkan itu, saya mencadangkan supaya undang-undang yang berkaitan dengan pengeluaran surat beranak atas surat lahir itu haruslah digubal dan dipinda. Kita tidak mahu perkara ini akan mengancam kedudukan anak-anak tempatan di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan petajar Sabah mendapat tempat di institusi pengajian tinggi di Malaysia dan kegagalan atau kelambatan Kerajaan Persekutuan menubuhkan dan membina kampus induk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di negeri Sabah, adalah satu lagi perkara yang saya anggap perlu diberikan perhatian segera dan sewajarnya oleh Kementehnan Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, umumnya rakyat Sabah merasa kurang senang hati mengenai kadar kemasukan pelajar Sabah di universiti tempatan yang sangat rendah dibandingkan dengan kemasukan pelajar dari Semenanjung Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Cawangan Sabah hanya mampu untuk menampung seramai 250 pelajar sahaja. Setakat ini hanya 21.6% daripada jumlah bilangan pelajar UKM Cawangan Sabah terdiri daripada pelajar-pelajar Sabah, manakala bilangan pelajar daripada Semenanjung Malaysia terdiri daripada 72.4% atau 181 pelajar dan yang selebihnya sebanyak 6% daripada Sarawak.

Masalah ini lebih mendesak lagi jika diambil pada keseluruhannya kerana peratusan pelajar di kesemua institusi pengajian tinggi di Malaysia tidak pun melebihi 2% daripada jumlah kemasukan pelajar dalam Rancangan Malaysia Keempat. Setakat tahun ini, jumlah pelajar Sabah yang telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan Yayasan Sabah berdasarkan daripada penerimaan mereka di universiti dan institusi tempatan adalah seramai 418 pelajar sahaja. Dalam masa yang sama jumlah kelulusan di Sabah yang layak memasuki universiti adalah seramai 949 iaitu 3 Principal ke atas. Ini bermakna 531 daripada mereka yang tidak mendapat tempat di universiti tempatan terpaksa melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri.

Perkara ini sepatutnya dan seharusnya tidak timbul kerana hak Sabah berhubung dengan soal pendidikan telah pun dijelaskan dalam Laporan Inter-Governmental Committee (IGC) 1962 sebagai satu daripada asas pembentukan Persekutuan Malaysia, Bab 3, perenggan 17 (b) Laporan tersebut menyatakan bahawa sekiranya penambahan kemudahan-kemudahan pelajaran diperlukan oleh Kerajaan Malaysia, keperluan negeri-negeri

Sabah dan Sarawak haruslah diberikan keutamaan dan adalah sesuai sekiranya penempatan beberapa institusi tinggi di negeri-negeri tersebut diberikan pandangan herat.

Dalam satu kajian yang dikendalikan oleh UNESCO pada tahun 1967, di antara saranan yang dinyatakan di dalam Laporan tersebut adalah penubuhan Kolej Pertanian, Perhutanan, Teknikal, Pendidikan dan Pentadbiran dan kolej-kolej ini dijangka boleh digabungkan untuk dijadikan Kolej Universiti Malaysia.

Saya difahamkan bahawa sejak tahun 1974 Kerajaan Negeri Sabah telah pun memperuntukkan sejumlah 5 juta untuk memulakan penyediaan tapak seluas 364 hektar bagi menubuhkan kampus induk UKM di Telok Likas, Kota Kinabalu. Tetapi setelah beberapa desakan Kerajaan Negeri difahamkan bahawa peruntukan sejumlah \$500 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk pembinaan universiti tersebut tidak dapat dikeluarkan dengan alasan bahawa Kerajaan sedang mengalami kemeleketan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, penangguhan itu juga mengakibatkan beberapa cadangan yang sudah dirangka untuk negeri Sabah terjejas. Pada tahun 1985 Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menubuhkan Fakulti Sains Pembangunan UKM tetapi oleh kerana usaha-usaha asas belum dilaksanakan, maka projek ini terpaksa ditempatkan di Bangi, Setangor Darul Ehsan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita renung hakikat ini memang jelas dan terasa oleh kita Ahti-ahli Dewan Rakyat daripada Sabah, bukti keengganan pihak Kerajaan Persekutuan untuk menumpukan perhatian yang lebih ikhlas kepada keperluan dan hak asasi rakyat Sabah untuk mendapat kemudahan pendidikan yang baik seperti di

Semenanjung Malaysia. Di sebalik memberikan alasan-alasan seperti tidak cukup kewangan disebabkan kemelesetan ekonomi, dua universiti telah ditubuhkan di Semenanjung Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Dalam masa yang sama tambahan peruntukan pembesaran Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang didirikan di Sekudai, Johor Darul Takzim telah memakan belanja yang lebih besar daripada jumlah yang diperuntukkan untuk penubuhan satu kampus universiti di Sabah, Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya fakta-fakta yang saya sebutkan itu, saya mengharapkan supaya Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Pendidikan dapat memberi perhatian yang lebih adil dan saksama kepada pelajar-pelajar Sabah yang layak supaya boleh mendapat lebih banyak tempat di universiti-universiti tempatan mahupun di institusi pengajian tinggi lain di Malaysia.

Sekiranya pengambilan pelajar-pelajar di setiap negeri mengikut kuota ataupun dengan menggunakan sistem kuota maka saya mencadangkan supaya kuota bagi pelajar-pelajar Sabah dapat ditambah bagi membolehkan lebih ramai pelajar-pelajar Sabah dapat melanjutkan pengajian mereka di universiti di masa-masa yang akan datang.

Di samping itu saya juga merayu kepada Menteri Pendidikan supaya cadangan penubuhan dan pembinaan Fakulti Sains Pembangunan, UKM di Sabah yang telah dipulihkan tahun lalu dapat dipercepatkan pembinaannya demi untuk menambahkan tagi kemudahan pelajar-pelajar negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang dihaskan kepada Kementerian Pendidikan bagi tahun 1989 amatlah menggalakkan berbanding dengan

tahun ini. Namun demikian peruntukan ini amatlah kecil jika dibandingkan dengan Jabatan Pendidikan di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh secara spesifik mengenai masalah dan kerumitan Kementerian ini di kawasan Parlimen Jambongan. Ada beberapa buah kampung yang mempunyai ramai bilangan kanak-kanak seperti Kampung Padas, kawasan Sungai Sibuga, Kampung Abuan, Kampung Binsulung, Kampung Mangkasulap di kawasan Sugut dan Kampung Lenengkung kawasan Labuk. Saya risau sekali dengan nasib masa depan kanak-kanak ini yang tidak mempunyai tempat bersekolah. Daian hal ini saya merayu ke atas perhatian dan jasa baik Menteri Pendidikan supaya dapat memberikan keutamaan dengan cara menyediakan peruntukan sesuai dengan keperluan kepada kampung-kampung yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1989. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Johor Bahru.

4.32 *ptg.*

Dato' Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Belanjawan Negara dengan mulanya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan Belanjawan ini.

Saya bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dapat peluang berucap pada petang hari ini. Kesyukurannya ini adalah kerana setelah saya meletakkan jawatan saya sebagai Ahli Parlimen

Johor Bahru pada 1-7-1988 dan menawarkan diri saya sekali lagi kepada pengundi-pengundi saya, saya telah dikembalikan ke Dewan ini pada 25hb Ogos, 1988. Sekurang-kurangnya kesimpulan yang boleh saya buat daripada sokongan pengundi-pengundi saya itu ialah bahawa mereka mahu saya meneruskan pendirian dan perjuangan saya selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tan Sri Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang telah menunjukkan kefahaman terhadap pendirian saya di dalam Dewan Rakyat pada 10hb Oktober yang lalu iaitu hari pertama persidangan Dewan ini.

Kefahaman Tan Sri Yang di-Pertua itu, kelembutannya dan ketenangannya saya mengaku telah dengan mudah mengatasi dan mengalahkan kelantangan saya itu sendiri. Oleh itu saya mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Yang di-Pertua Dewan Rakyat di atas kemenangannya kerana cara lemah-lembutnya. Semoga kelembutan dan ketenangan ini dapat juga dicontohi oleh Ahli-ahli Dewan ini terutamanya mereka yang suka sangat melompat bangun kononnya di atas sebab mencari penjelasan tetapi kerana sudah terlalu kerap menimbulkan kebosanan di kalangan mereka yang memerhati. Kalau gangguan ini ditumpukan kepada Ahli-ahli Dewan dari parti pembangkang mungkin boleh dialaskan bahawa ini datangnya daripada semangat kepartian seseorang itu yang begitu tinggi. Tetapi kalau sudah tidak ada beza di antara rakan dan kawan atau lawan sukar seseorang memerhati membuat rumusan selain daripada memikirkan bahawa sikap toleransi sudah pun tidak ada di kalangan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang tertentu.

Sikap toleransi ini, Tuan Yang di-Pertua, telah diakui menjadi asas kepada perpaduan negara. Di dalam hubungan antara kaum biasa sangat

disebut-sebutkan betapa pentingnya semangat toleransi itu. Tetapi mungkin rakyat dan orang ramai tidaklah terperanjat bahawa semangat toleransi ini telah pudar di dalam hubungan antara kaum kerana sebelum kita boleh mengamalkan toleransi di luar dengan orang yang lain perlu kita bersikap toleransi di dalam keluarga atau bangsa kita sendiri.

Semangat toleransi oleh seorang bapa membawa perpaduan di dalam keluarganya sendiri. Begitu jugalah semangat toleransi pemimpin di dalam satu keluarga yang besar akan dapat memupuk perpaduan di dalam keluarga itu. Orang luar melihat kepada amalan semangat toleransi ini di dalam keluarga itu, mereka akan lebih yakin bahawa di dalam hubungan dengan mereka pula semangat toleransi ini akan juga turut diamalkan dan bukan setakat di mulut sahaja.

Tetapi sebaliknya kalau bukan toleransi yang ditunjukkan tetapi sikap membalas dendam, sikap tidak mahu menerima pendapat yang berlainan dan bertentangan, sikap mengherdikkan kebijaksanaan orang lain, kesemua ini akan membawa kepada keadaan cuakar-kacir dan seterusnya perpecahan di dalam sesuatu keluarga itu dan apabila tidak ada toleransi di dalam keluarga yang besar itu saya sudah tidak terperanjat kalau semangat toleransi itu tidak akan kelihatan di dalam hubungan dengan orang luar keluarga yang berkenaan.

Oleh itu kalau kita benar-benar mahu kepada perpaduan, kita perlu bermula dengan memupuk balik semangat toleransi terlebih dahulu. Perpaduan tidak akan datang semata-mata kerana kononnya kita yang kuat, kita yang ramai dan yang lemah dan yang minoriti mesti ikut kita. Perlulah saya ingatkan bahawa kumpulan yang kecil boleh akhirnya mengatasi dan menguasai kumpulan yang besar.

Yang lemah boleh akhirnya mengalahkan yang kuat kerana sejarah sudahpun membuktikan bahawa keangkuhan kerana kekuasaan akhirnya boleh membawa kepada kekalahan dan kehancuran.

Dalam membincangkan tentang perpaduan, soal perpaduan Melayu turut juga dibincangkan, termasuk dalam Dewan yang mulia ini. Janganlah pula perpaduan Melayu diasaskan kepada suasana ketakutan, umpamanya dengan memomokkan bahawa kalau orang Melayu berpecahbelah maka akan terjejas ungkulan politik atau pemimpinan Melayu dalam negara ini.

Pada pendapat saya, perpaduan yang diasaskan kepada suasana atau iklim ketakutan akan membawa kesan-kesan lain yang negatif termasuklah mengikis semangat toleransi sesama sendiri sebagai satu bangsa. satu agama dan toleransi dengan bangsa lain atau agama lain di negara kita, kerana suasana ketakutan itu boleh membawa ketebalan perasaan perkauman di kalangan—minta maaf. Sebab itulah kalau kita lihat telatah dan gelagat manusia yang berkumpul di Dewan Merdeka, PWTC yang sudah seolah-olah kehilangan pedoman agama dan budaya orang-orang Melayu sehingga hendak menyula orang yang tertentu, sehingga digelarkan satu-satu kumpulan sebagai munafik dan berbagai-bagai. Kehilangan semangat toleransi ini di kalangan satu golongan orang Melayu walaupun ianya berkuasa pada hari ini pasti tidak akan mewujudkan perpaduan. Suasana ketakutan itu juga akan menimbulkan perasaan perkauman yang lebih.

Sudah kelihatan bagaimana UMNO Baru turut menghentam pihak MCA, pihak yang memasukkan UMNO Baru dalam Barisan Nasional pada bulan Mac yang lalu dan kalau ditinjau kepada keputusan pilihanraya-pilihanraya kecil Johor Bahru dan

Parit Raja, pihak MCA turut memainkan peranannya walaupun Barisan Nasional kalah di Johor Bahru dan menang kecil di Parit Raja. Tetapi mengapa salahkan MCA kalau kalah dan tidak dipujinya apabila sudah menang? Sebaliknya turut dihentam juga. Suasana ketakutan ini telah membawa ketebalan perasaan perkauman di kalangan pihak yang berkuasa. Kepada saya kedua-dua keputusan pilihanraya kecil itu menunjukkan kemenangan dan kejayaan politik perpaduan dan kerjasama antara kaum walaupun pengundi bukan Melayu di Parit Raja ditakut-takutkan.

Semangat Kebangsaan Malaysia yang diasaskan pada tahun 1946 tidak sama sekali bermirip kepada perkauman Melayu dan sebab itu yang lahir pada tahun itu dapat diterima oleh semua rakyat terutama sebagai kuasa politik yang terunggul di negara ini. Oleh itu kalau kita begitu serius dalam pandangan kita kepada soal perpaduan rakyat dan soal kestabilan negara, perlu dibendung suasana ketakutan ini. Saya memuji sikap Timbalan Presiden MCA yang telah mengatakan MCA tidak akan meninggalkan Barisan Nasional.

Setahun dahulu, Tuan Yang di-Pertua, ketika saya berucap buat pertama kalinya sebagai ahli biasa dalam Dewan ini, Timbalan Presiden MCA tidak ada di sini kerana pergi keluar negeri, kali ini Presiden MCA pula tidak ada di sini kerana berada di luar negeri. Tetapi kalau berjudi sudah pun boleh melalui satellite, saya percaya ucapan saya ini akan dapat juga disampaikan melalui satellite kepada Presiden MCA, kerana saya serius dalam rayuan saya kepada MCA supaya janganlah MCA keluar daripada Barisan Nasional. Kerajaan kalau keluar MCA daripada Barisan Nasional lebih besar kemungkinan perasaan perkauman itu akan dijadikan sebagai asas perjuangan pihak yang sedang berkuasa.

Perlu kita mengenang kepada sejarah semasa bila kita selepas pilihanraya umum 1969, seorang tokoh yang telah pun kalah di kawasannya di Kedah telah kerana begitu marah dengan sokongan pengundi bukan Melayu kepada parti lawannya, telah mendesak supaya Menteri-menteri MCA digugurkan daripada Kabinet ketika itu, dan pada pandangan Allahyarham Tun Dr Ismail, penarikan diri MCA daripada Kabinet adalah di antara sebab teretusnya tragedi 13 Mei 1969 dan wujudnya pemerintahan secara NOC. Oleh itu, saya berharap MCA teruslah duduk dan saya membuat pandangan secara ikhlas, teruslah duduk dalam Barisan Nasional kalau hendak dipelihara politik yang stabil, politik yang berasaskan kepada kerjasama antara kaum dan bukan politik yang berasaskan kepada suasana ketakutan perkauman.

Dari segi keunggulan kepimpinan Melayu dalam politik negara pula, keunggulan kepimpinan ini boleh dipertahankan sekiranya pucuk pimpinan menyedari tanggungjawab yang datang bersama dengan kepimpinan itu. Kalau bapa merupakan pemimpin dalam keluarga, contoh dan teladan bapa adalah penting kepada ahli keluarganya yang lain. Kalau kepimpinan Melayu tertentu hendak dihormati oleh orang Melayu dan orang bukan Melayu, kepimpinan itu juga patut membawa contoh dan teladan yang baik. Orang Melayu sendiri patut bersedia untuk mengawal dan menentukan supaya kepimpinan yang dibawa adalah bersih, tidak rasuah, supaya kepimpinan Melayu itu terus dihormati dan diterima sebagai contoh dan teladan untuk semua. Kalau tidak, orang lain akan menegur dan mungkin ini akan dijadikan sengaja sebagai satu isu perkauman. Kesimpulannya, keunggulan kepimpinan Melayu dalam politik negara akan dihormati selagi ianya diasaskan kepada satu

kepimpinan yang boleh membawa contoh dan teladan untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengulung ucapan saya yang ringkas ini, kestabilan politik, perpaduan rakyat yang menjadi asas kepada pembangunan dan kemajuan ekonomi negara kita bergantung kepada semangat toleransi dan kepada kepimpinan yang mampu memberi contoh dan teladan. Insya Allah, kalau pucuk pimpinan semua pihak dapat mengamalkan kedua-dua semangat toleransi dan kepimpinan yang membawa contoh dan teladan ini dapat kita melahirkan perpaduan dan kestabilan politik negara yang boleh juga membawa kepada pembangunan dan kemajuan ekonomi negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bachok.

4.45 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya ikut serta mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Ucapan Belanjawan Negara 1989 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Paduka Menteri Kewangan kita pada hari Jumaat 21hb Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah menjadi kelaziman bagi Dewan ini, Ucapan Belanjawan pada amnya menerima berbagai-bagai riaksi baik yang pro mahupun yang kontra. Sepanjang perbincangan yang berlaku, kita dapat mengikuti ada pihak-pihak yang tertentu yang telah menimbulkan soal-soal sensitif. Sepatutnya soal-soal sensitif yang boleh mencetuskan kekeruhan, di samping kekeruhan dan kamlut yang telah sedia ada tidaktah patut diungkit-ungkit lagi. Biarlah kita cuba menyelesaikan masalah-masalah yang sudah wujud dan tidak pula mengungkit-ungkit perkara-perkara yang tidak perlu.

Walaupun ada kalangan-kalangan yang tertentu yang menganggap bahawa Belanjawan 1989 ini adalah Belanjawan pilihanraya kerana menurut andaian mereka pilihanraya mengejut akan diadakan dalam tempoh yang dekat ini. Namun kita yakin dan percaya penegasan yang diberi oleh pihak Kerajaan bahawa suasana yang wujud sekarang tidaklah merupakan satu suasana yang memerlukan diadakan pilihanraya seperti itu kerana undi sokongan pihak Kerajaan masih mencukupi untuk meneruskan perancangan-perancangan yang telah disusun bagi memenuhi janji-janji pilihanraya dan juga untuk memberi perkhidmatan sebagai tanda tanggungjawab Kerajaan kepada rakyat jelata. Apa lagi tempoh perkhidmatan Kerajaan sekarang baru sahaja masuk ke tahun ketiga yang bererti bahawa Kerajaan masih mempunyai tempoh perkhidmatan selama sekurang-kurangnya dua tahun lagi.

Oleh yang demikian, patutlah pihak Kerajaan sebagai hakim yang sentiasa memerhati dan mengamati setiap sikap, setiap suara dan setiap langkah semua pihak yang ada dalam Dewan ini dan juga di luar Dewan tentunya akan dapat membuat pertimbangan dan perbandingan yang sewajarnya mengenai dakwaan-dakwaan sama ada terbuka ataupun secara bisik-bisik sahaja mengenai pilihanraya mengejut itu dan tidak mudah terpengaruh apa lagi terpedaya dengan ramalan-ramalan songsang seperti itu dan tentunya rakyat masih terus berminat memberi sokongan kepada Kerajaan yang mereka pilih untuk menjalankan tugasnyasampaikeakhirtempoh.

Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih baik bagi pihak tertentu berkhidmat sesuai dengan fungsinya dengan memberikan teguran-teguran dan kritik-kritik yang membina daripada menyuarakan ataupun melaung-laungkan soal pilihanraya yang masih jauh lagi itu. Adalah lebih baik kita

bersama-sama mendidik rakyat kepada kefahaman politik yang lebih mantap daripada menggugah dan menggugut rakyat kepada berita-berita atau khabar-khabar yang penuh dengan sensasi dan emosi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun skop Belanjawan negara kita amat luas bidangnya, namun izinkan saya menyentuh beberapa aspek sahaja yang pada pandangan saya perlu disentuh dan diutarakan dalam kesempatan ini. Secara umumnya adalah diketahui bahawa suasana dan iklim perekonomian negara kita telah beransur-ansur pulih walaupun secara perlahan-lahan, hal ini telah diakui oleh semua pihak, termasuk juga pihak-pihak yang selalu memomok-momokkan kepimpinan Kerajaan kita. Walaupun mereka membisu seribu bahasa, namun dhamir dan hati nurani mereka ikut mengakui bahawa sebahagian daripada tohmahan-tohmahan mereka selain ini tidak berpijak di bumi nyata.

Kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. bahawa sejak beberapa ketika dahulu hinggalah sekarang ini harga komoditi keluaran negara kita telah meningkat begitu rupa. Hal ini dapat kita saksikan di dalam pencapaian di bidang peningkatan taraf hidup yang dinikmati oleh para peneroka Rancangan Kemajuan Tanah Kerajaan atau para pekebun kecil persendirian.

Kita mengharapkan bahawa suasana yang wujud sekarang ini akan dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh saudara-saudara kita yang berkenaan di dalam mengatur penghidupan mereka dan merancang masa depan pelajaran dan pendidikan anak-anak dan orang-orang tanggungan mereka dengan lebih teratur lagi. Sesuai dengan anjuran agama kita seperti yang dianjurkan oleh seorang Khulafah Ul-Rashidin yang mengatakan, maksudnya: "Berikanlah atau rancangkanlah

urusan pelajaran anak-anak kamu dengan sebaik-baiknya kerana mereka diciptakan Tuhan untuk hidup di satu zaman yang tidak sama dengan zaman kamu.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu keputusan Kerajaan untuk membuat pelarasan gaji yang dipersetujui bagi Kumpulan A, B, dan C adalah merupakan satu langkah yang berani, bijaksana dan tepat pada masanya walaupun ada pihak-pihak tertentu yang memandang sepi sambil menyatakan bahawa keputusan membuat pelarasan gaji ini adalah satu perkara biasa sahaja, tetapi satu hal yang tidak dapat dinafikan bahawa pelarasan ini sedikit sebanyak dapat memberi kesan kepada kehidupan pegawai dan kakitangan berkenaan dan sekali gus memberi kesan kepada kehidupan ibubapa mereka yang berada di kampung.

Satu hal yang patut diterima dengan ucapan syukur kepada Allah subhanahuwataala yang telah melimpahkan kurnia perubahan suasana ekonomi bagi negara kita pada ketika banyak lagi negara-negara lain di dunia yang sedang menghadapi akibat daripada wabak inflasi yang melanda sebahagian besar negara-negara di dunia ini, termasuk juga negara kita Malaysia yang telah ikut menerima padah inflasi itu.

Tuan Yang diPertua, sebagai manusia ataupun insan yang tahu menilai dan meletakkan sesuatu pada tempatnya yang wajar, kita menaruh keyakinan bahawa pihak-pihak yang tertibat dengan pelarasan ini dapat menerimanya dengan penuh penghargaan atas sikap Kerajaan ini. Walaupun keputusan ini dipandang belum dapat memenuhi hasrat golongan-golongan tertentu, namun perlulah difikirkan juga bahawa masih ramai lagi orang-orang yang belum dapat menerima manfaat yang langsung daripada perubahan dan pemulihan ekonomi ini.

Tuan Yang diPertua, kita tentunya masih dapat mengenangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh saudara-saudara kita yang terdiri daripada kaum-kaum tani dan nelayan yang walaupun telah diberi perhatian berat oleh pihak Kerajaan untuk memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup, namun kesan yang langsung seperti pelarasan gaji ini tidaklah melibatkan mereka. Insya Allah, usaha-usaha akan dapat ditumpukan lagi pada masa yang akan datang untuk memperbaiki taraf hidup seluruh rakyat jelata berkat bertambah baiknya suasana ekonomi dan juga kestabilan negara daripada sebarang ancaman dan gangguan dari dalam dan luar negeri.

Tuan Yang diPertua, kita menyokong penuh dasar Kerajaan yang telah melaksanakan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan semoga dasar ini akan dapat diteruskan sepanjang masa kerana nilai-nilai yang baik, iaitu yang mempunyai sifat-sifat "mahmudah", sifat-sifat yang terpuji seperti jujur, ikhlas, amanah, malu dan sebagainya sememangnya telah diakui sejak dahulu iaitu di zaman Rasulullah dan berterusan sehingga di zaman muta'akhir ini, iaitu di zaman sekarang seterusnya untuk masa yang akan datang. Oleh kerana nilai Islam itu satu nilai yang baik dan ianya boleh diterima oleh semua bangsa yang ada di Malaysia, maka dasar ini sememangnya hendaklah diteruskan dan wajib dipertahankan sepanjang masa.

Pada ketika kita semua sedang mengikuti nilai-nilai yang baik itu yang ditunjukkan oleh Islam maka janganlah pula di masa yang sama kita menyelitkan nilai-nilai yang tidak baik yang boleh menyekatkan perkembangan nilai-nilai Islam yang baik atau boleh melalaikan manusia seluruhnya dari mengingati, apa lagi dari mengikuti serta mengamalkan

nilai-nilai yang tidak baik. Misalnya di masa yang sama dipancarkan melalui media massa televisyen khususnya hiburan-hiburan yang terlampau menjolok mata yang boleh meruntuhkan nilai-nilai yang baik. Unsur-unsur judi haruslah dibersihkan dari semasa ke semasa agar penyakit tahi judi di kalangan rakyat dapat dibersihkan dengan sebaik-baiknya. Apa lagi bila kita meneliti ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebagai Presiden UMNO di dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini mengenai Islam yang begitu terus terang dan hebat, yang begitu menarik dan menawan segenap hati yang sedar atas keperluan dan tanggungjawab mengamalkan ajaran Islam yang sekaligus mengamalkan nilai-nilai yang suci dan murni. (*Tepuk*)

Tuan Yang diPertua, saya percaya kalau semangat dan inti daripada ucapan itu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak dan disambut pula dengan ikhlas dan jujur oleh semua pihak nescaya negara kita akan dapat menaiki jinjangnya ke taraf bahagia, aman dan makmur.

Tuan Yang diPertua, saya ada beberapa minit lagi, boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Ada 10minit lagi.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Terima kasih. Tuan Yang diPertua, saya ikut sama memberikan sokongan penuh terhadap langkah-tangkah Kerajaan hendak mengkaji tentang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Menyambung terus Dasar Ekonomi Baru tidak perlu dipersoalkan lagi, tetapi yang lebih pentingnya ialah mengkaji semula tentang pelaksanaannya.

Saya rasa bukanlah menjadi dasar kita semata-mata untuk mewujudkan sejumlah orang kaya baru menerusi

Dasar Ekonomi Baru ini kalau hanya semata-mata itulah nescaya kita akan tetap dapat menyaksikan beberapa banyak pula orang-orang kita yang tumbang sama ada menanggung rugi atau bankrapsi apabila keadaan meleset melanda kita sekali lagi pada masa akan datang. Oleh yang demikian, soal pokok yang harus kita kaji dan memberi nilai yang baru ialah nilai atau kualiti saudagar-saudagar atau pengusaha-pengusaha kita itu sendiri. Soal peluang, soal kebolehan, soal modal memang tidak dapat dinafikan adalah satu soal yang penting untuk mencapai kejayaan tetapi ada satu perkara yang saya rasa menjadi nadi kepada kejayaan itu sendiri, iaitu sifat yang mulia yang dituntut oleh Islam itu sendiri iaitu sifat jujur, sifat amanah, inilah yang menjadi intisari kepada nilai-nilai kemajuan itu sendiri.

Memang di dalam Islam sendiri yang telah menegaskan bahawa perdagangan dan perniagaan itu menguasai hidup masyarakat 90%. Saya lupa hadisnya. Masyarakat dan umat akan maju dan bahagia dengan maju dan jayanya kehidupan ekonomi itu sendiri, tetapi yang menjadi kunci itu semuanya ialah sifat yang mulia di dalam Islam itu seperti amanah, jujur, adil dan saksama. Inilah yang menjadi urat nadi dari kejayaan itu pada keseluruhannya. Sebab itulah dalam Islam memberikan hukuman yang berat kepada peniaga-peniaga atau ahli pedagang yang menipu, yang menyeleweng, yang tidak jujur, yang tidak amanah dalam sebarang urusan perdagangan, umpamanya hukuman yang paling berat dikenakan kepada ahli perniagaan yang menyembunyikan barang dagangan, yang menyorokkan barang dagangan pada ketika barang itu diperlukan oleh masyarakat, terutamanya barangan makanan utama dengan tujuan apabila barangan itu tidak didapati di dalam pasaran maka harganya melambung tinggi. Tuan Yang di-Pertua, pada

ketika itulah ia menjualkan barangan itu sedikit demi sedikit dengan harga berlipat kali ganda daripada harga pasaran sebenar.

Maka jelaslah perniagaan yang mulia dan baik itu bukan terletak semata-mata kepada pandai dan bijak dalam berniaga serta untung banyak semata-mata, tetapi yang pentingnya ialah kejujuran. Dengan itulah sahaja masyarakat akan terbelak keadilannya dan keuntungannya serta kehidupan pedagang terjamin murninya, apa lagi jika pedagang itu tidak melupai tanggungjawabnya terhadap masyarakat dengan zakat, sedekah atau sumbangan seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek penting yang menarik minat saya dalam kesempatan ini ialah peruntukan yang dicadangkan untuk keselamatan negara. Setakat ini kita bersyukur bahawa keselamatan negara kita terus kukuh dan utuh. Kedaulatan negara kita tidak terjejas oleh apa-apa juga sebab pun berkat kebijaksanaan Kerajaan dan sikap cinta tanahair yang didorong oleh rasa tanggungjawab yang ditunjukkan oleh pihak-pihak seperti tentera, pasukan polis serta sikap kerjasama dan taat setia yang telah dibuktikan oleh seluruh lapisan rakyat jelata menjadi pegangan dan penghayatan pihak-pihak yang terlibat dengan masalah keselamatan negara.

Namun demikian, kewaspadaan hendaklah dipertingkatkan dari masa ke semasa, dengan demikian maka langkah Kerajaan menyediakan peruntukan yang besar bagi sektor keselamatan adalah dialu-alukan. Apa lagi pihak Kerajaan sendiri pun sudah memberi jaminan bahawa peruntukan yang besar diberi kepada sektor keselamatan. Ini rasanya tidak akan menjejaskan pelaksanaan rancangan pembangunan rohani dan jasmani yang telah dirancang dan dilancarkan sebelum ini dalam usaha menuju era baru sebagai sebuah negara industri.

Kita harap dengan peruntukan ini sektor keselamatan akan dapat dipertingkatkan terus dan negara kita akan terselamat dari sebarang ancaman baik dari dalam ataupun luar negeri. Sebagai mana yang tersebut, masalah keselamatan memanglah penting kerana tanpa keselamatan negara maka semua jentera yang lain tidak akan berjalan dengan baik. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$670 juta untuk sektor keselamatan yang mana \$350 juta untuk pertahanan dan bakinya untuk keselamatan dalam negeri dan sebanyak \$100 juta pula daripada peruntukan itu telah diperuntukkan kepada membeli peralatan senjata dari Kerajaan British yang telah ditandatangani baru-baru ini. Langkah yang diambil oleh Kerajaan itu adalah wajar dan ini bersesuaian dengan tirman Tuhan; di dalam Al-Uran, suratul Anfaal—ayat 60, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, maksudnya:

"Dan sediakanlah untuk menentang mereka yakni musuh-musuh yang menceroboh, segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan berkuda yang lengkap sedia dengan persediaan untuk menggerunkan musuh-musuh Allah dan musuh-musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahui sedang Allah mengetahuinya dan siapa sahaja di kalangan kamu yang membelanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dianiaya".

Perlu diingat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kekuatan peralatan senjata sahaja tidak mencukupi kalau tidak disertakan dengan kekuatan jiwa dan kekuatan iman. Sejarah telah membuktikan bahawa Kerajaan Islam di zaman pemerintahan Saidina Omar al-Khatab, telah dapat mengalahkan sebuah Kerajaan yang besar pada masa itu, iaitu Kerajaan Rome di

dalam peperangan Yarmuk. Rahsia kejayaannya ialah tentera Islam yang penuh bersemangat keimanan mematuhi ajaran Islam, maka dengan izin Allah s.w.t. mereka telah dapat mengalahkan satu kuasa besar yang mengejutkan Raja Rome. Itulah pengajaran dari sejarah yang mana kita semua seharusnya mengambil iktibar dari peristiwa itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada berapa minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada 3 minit.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tidak apalah, saya tamat di sini, terima kasih. Saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1989.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.04ptg.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismillahir-rahmanir-rahim. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi izin kepada saya untuk turut serta membincang satu Akta Perbekalan tahun 1989. Satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang dari kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita semua sedia maklum bahawa peruntukan atau perbekalan bagi tiap-tiap tahun itu sebenarnya telah disediakan oleh semua Kementerian-kementerian kita dari awal seawalnya bulan Februari atau bulan Mac, dan persediaan-persediaan itu telah dilakukan dan diusahakan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan

Kerajaan dari serendah-rendahnya, dari orang yang membawa pensil dan kertas kepada boss-bosnya, sehinggalah kepada Ketua Setiausaha dan seterusnya kepada Menteri-menteri berkenaan. Jelaslah di sini bahawa penyediaan bagi peruntukan ini bukanlah semata-mata khusus bagi Menteri yang membentang peruntukan di dalam Dewan ini sahaja, tetapi ianya melibatkan semua Kementerian, melibatkan semua agensi-agensi Kerajaan dari segi perancangannya, dan segala-galanya. Jadi, izinkanlah Tuan Yang di-Pertua, untuk saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai-pegawai dari semua Kementerian dari yang serendah-rendahnya sehingga ke setinggi-tingginya, kerana tanpa mereka tentulah tidak dapat kita berbincang dan tidak dapat kita membahaskan usul mengenai peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya beranilah saya katakan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya kestabilan negara kita adalah terletak kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Sebenarnya kestabilan itu terletak Polis, terletak kepada tentera, terletak kepada semua peringkat kakitangan Kerajaan. kerana kita sangat bertuah kerana mempunyai kakitangan-kakitangan Kerajaan, pegawai-pegawai Polis dan Tentera yang begitu jujur dan ikhlas untuk berkhidmat kepada bangsa dan negara kita.

Saya berani berkata begini, kerana dapat kita lihat di negara-negara di sekeliling kita, negara-negara sahabat kita, negara-negara jiran kita, kerana pegawai-pegawai, kakitangan Kerajaan itu tidak begitu amanah dan ikhlas kepada negara. Kita dapat membaca di dalam berita-berita di mana kekacauan berlaku di sana dan di sini, terdapat berbagai-bagai kekecohan. Jadi, kita bersyukur kepada Allah s.w.t. di atas

anugerahnya yang telah memberikan amanah, cekap dan sempurna kepada pegawai-pegawai kita. Tanpa pegawai-pegawai kita, tentulah kita tidak dapat berjalan dan bekerja menguruskan negara ini dengan sempurna. Dalam pada itu, tentulah kita tidak dapat menafikan setengah-setengah atau sebahagian kecil daripada pegawai-pegawai Kerajaan itu yang telah terpesong dari lunas-lunas ikhlas dan amanah itu, tetapi bilangan mereka sangatlah sedikit kerana sifat manusia yang lemah ini. di dalam begitu ramai, tentulah ada orang-orang yang seumpama ini. Walaupun begitu, pihak berkuasa, pihak pegawai-pegawai tinggi dapat membendung segala kelemahan-kelemahan itu. Kalau kita bandingkan kelemahan-kelemahan pegawai-pegawai di negara kita dengan negara-negara yang lain, kita dapati kelemahan-kelemahan itu amatlah kecil.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita memerlukan kepada kestabilan politik kerana kestabilan politik itu akan membawa kepada kestabilan negara. Kestabilan politik saya-rasa adalah khusus untuk orang-orang politik. Sekiranya kepincangan berlaku disebabkan oleh politik maka puncanya ialah orang-orang politik. Jadi, orang-orang politik haruslah memberi perhatian yang sesungguhnya kalau kita benar-benar mahu melihat negara kita ini stabil kerana kestabilan politik adalah punca utama kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan politik ertinya tidak ada kacau-bilau di dalam politik, ertinya tidak ada percakaran-percakaran, tidak ada haru-biru di dalam politik. Perkara ini adalah satu perkara yang kita semua tahu tetapi perkara-perkara yang kita selalu dan semua orang tahu itulah yang kerap kali kita lakukan. Kita tahu perkara itu tidak patut dilakukan tetapi kadang-kadang lelah kita lakukan. Perkara-perkara yang saya

maksudkan ini ialah kefahaman yang sempit dan perasaan taksub atau perasaan yang melampau (extremist) di dalam sesuatu perkara. Apabila kita mempunyai perselisihan pendapat atau mempunyai pendapat yang berlainan di antara satu dengan lain, maka kadang-kadang kita memperbesarkan masalah-masalah itu sehingga menjadi besar sedangkan perkara-perkara yang seumpama itu boleh dibawa berunding. Jadi, perkara-perkara yang kita lihat mungkin satu perkara yang sama, satu tajuk yang sama, satu benda yang sama tetapi dilihat oleh beberapa orang dengan pandangan-pandangan yang berlainan maka perkara yang satu itu dilihat.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya):
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat dari Sungai Petani, nanti sekejap.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, point of order, 13 (1)—tidak cukup bilang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Sila bilang. Ada 18, bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir.*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Sudah ada 26, cukup kuorum. Teruskan Yang Berhormat dari Sungai Petani.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya jelaskan bahawa perkara taksub atau fanatik ini memang ada di dalam diri seseorang. Satu perkara yang tidak boleh dipisahkan tetapi perlulah kita letakkannya secara sederhana.

Saya mengambil contoh, keturunan mana pun, sama ada keturunan Melayu, keturunan Tionghua atau keturunan India mahu membela bangsanya, mahu membela keturunannya, tetapi pembelaan itu haruslah dilihat dari kacamata realiti yang sebenarnya. Jangan kita memasang kacamata yang salah. Sekiranya kita mahu melihat ekonomi negara itu dari kacamata yang terang, maka hendaklah kita melihat dengan kacamata yang tidak ada warna. Sekiranya kita memandangkan ekonomi negara kita, sekiranya kita memandangkan kemiskinan di negara kita, sekiranya kita memandangkan pengagihan ekonomi di negara kita dengan kacamata putih, nescaya kita dapat melihat ekonomi kita, kemiskinan kita dan pekerjaan dan jawatan yang menjadi masalah di hadapan kita itu satu kenyataan. Tetapi sekiranya kita melihat dengan kacamata yang hijau, maka rumput yang sudah kering itu juga menjadi hijau, maka pada masa itu lembu yang memakannya akan tertipu. Jadi, begitulah dengan kacamata-kacamata yang berwarna yang lain, warna biru, warna kuning, warna hitam, tetapi kalau kita melihat dengan kacamata yang sebenarnya, tentulah tidak berlaku haru-biru dan kekacauan sepertimana yang kita lihat berlaku selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kemiskinan, kita tentu tidak menafikan bahawa kemiskinan itu ada di mana-mana, kemiskinan tidak mengenal keturunan, tetapi keturunan manakah yang banyak miskin, keturunan manakah yang banyak yang tinggal di luar bandar. Jadi, dengan cara yang demikian, dengan pandangan yang tanpa fanatik ini, dapatlah kita memberi pandangan, memberi perhatian yang adil. Kalau kenyataan mengatakan bahawa orang-orang Melayu sangat miskin, mereka tinggal di luar bandar, mereka tinggal di kampung-kampung, mereka tidak

ada kemudahan asas langsung, mereka tidak ada jalan, mereka tidak ada kemudahan api dan air, maka saya rasa tentulah keturunan-keturunan lain tidak cemburu untuk memberi kemudahan-kemudahan yang seumpama ini kepada keturunan Melayu. Barangkali sahabat-sahabat kita tidak melihat, tidak pergi, mungkin tidak ramai daripada mereka peniaga-peniaga, penjaja-penjaja yang masuk ke dalam kampung melihat kesusahan-kesusahan orang Melayu. Jadi, dengan sebab itu peruntukan-peruntukan luar bandar yang diberi kepada orang Melayu itu, atau diberi kepada penduduk-penduduk luar bandar itu, tidak mengira keturunan daripada orang-orang kampung yang tinggal di luar ataupun orang-orang yang tinggal di Kampung Baru. maka haruslah diberi perhatian yang sesungguhnya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga tentang pengagihan jawatan-jawatan di dalam Kerajaan, kita dapati memang ada satu keturunan tertumpu kepada satu-satu jawatan atau satu-satu kumpulan sahaja, manakala keturunan yang lain menumpukan kepada kumpulan-kumpulan pekerjaan yang lain. Saya mengambil contoh, mungkin ramai, satu keturunan tertumpu kepada jawatan-jawatan PTD umpamanya. Tetapi sekiranya kita perhatikan bahawa keturunan yang lain pula melebihi 80% menduduki jawatan-jawatan profesional seperti doktor, jurutera (engineer), juru ukur, ahli-ahli ekonomi dan lain-lain, maka hal ini perlulah kita fikir dengan teliti kerana negara ini negara kita semua bukan negara untuk seseorang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila gulungkan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Abmad: Sebelum gulung, saya ada dua point lagi yang saya hendak sebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta gulung, berapa point saya tidak kira, saya minta gulunglah.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya gulung sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang perlu kita ingat sekarang ialah kestabilan politik yang kita lihat sekarang ini negara kita hendak dan berada di ambang perdamaian. Semua orang hendak damai, semua orang hendak bersatu, semua orang hendak berpadu. Jadi saya berharap kepada semua orang tujukanlah minat dan cita-cita ke arah itu, lakukanlah dengan sepenuh hati, lakukanlah dengan mulut dan perbuatan, jangan mulut lain di hati lain, buat benda lain, kerana di dalam al-Quran Allah s.w.t. telah menerangkan dan maksudnya:

"Sekiranya orang telah cenderung dan mahu mencari perdamaian, maka hendaklah kamu terima perdamaian itu".

Kalau orang cenderung kepada perdamaian, terimalah perdamaian itu, jangan cari sebab-sebab itu dan ini. Sebab-sebab itu dan ini itulah yang akan membawa kepada perpecahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Shah Alam.

5.26 ptg.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman (Shah Alam): Bismillahhir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan tujuan untuk membahaskan bersama Belanjawan 1989 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 21hh Oktober baru-baru ini. Tetapi

sebelum itu saya juga ingin menyatakan bahawa pertukaran tempat duduk saya dari Blok "C" ke "E" ini bukan pilihan, tetapi keadaan yang menjadikannya demikian. Tetapi untuk menjadi seseorang yang berkesan dan berprinsip, tempat duduk tidaklah menjadi ukuran. Kalaupun duduk di Blok "A" kalau tidak berkesan dan berprinsip, tidak berguna.

Kita juga mesti akui qada' dan qadar, hari ini mungkin kita duduk di sini, tetapi mungkin esok kita tidak ada dalam Dewan. Dalam suasana politik khususnya politik orang Melayu yang agak bergolak sedikit hari ini, dan dengan adanya usaha-usaha yang dibuat oleh golongan-golongan tertentu untuk meredakan keadaan, janganlah kita pula menjadi lebih senduk dari kuahnya.

Saya ingin memetik kata-kata bistari Rabindranath Tagore dalam bukunya "The International Thesaurus of Quotation":

"Not hammer strokes but dance of the water sings the pebbles into perfection".

Ertinya bukan bunyi ketukkan pemukul, tetapi irama tarian air mendendangkan kerikil menjadi sempurna. Umat Islam wajib mengetahui antara yang hak dan yang batil, dengan itu perlu memahami dengan seluas-luasnya erti Firman Tuhan yang bermaksud:

"Fitnah itu lebih besar dosanya dan lebih dahsyat daripada membunuh".

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan ahli terpelajar dalam bidang keagamaan, jauh sekali ustazah, tetapi saya berusaha mempelajarinya. Sebagai seorang Istam, saya tidak mahu termasuk dalam golongan orang yang menabur dan melakukan fitnah. Fitnah ini dalam bahasa Arab "bercakap atau mengatakan perkara yang tidak pernah berlaku atau

membuat sesuatu yang tidak pernah dilakukan atau dirancangan oleh orang lain".

Contohnya baru-baru ini di pilihanraya Parit Raja ada golongan orang-orang tertentu yang menyebarkan poster-poster barisan Kabinet baru, orang yang mengedarkannya adalah anak-anak muda yang diupah oleh orang-orang tertentu yang dapat ditahan dan disoal siasat. Ini jelas fitnah bagi tujuan memburukkan satu golongan lain, maka disebarkan sesuatu yang kumpulan itu sendiri tidak mengetahui akan atau merencangkannya. Adalah lebih besar dosanya orang yang sudah tahu itu fitnah, tetapi menyetujui perbuatan fitnah itu. Oleh itu janganlah kita bercakap soal ini kalau kita hanya bersetindug dengan ayat-ayat suci untuk menutup perbuatan kita sendiri. Kita manusia biasa, makhluk yang sentiasa melakukan kesilapan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh soal Belanjawan. Strategi Belanjawan kali ini adalah sambungan usaha Kerajaan dua tahun dahulu bagi mengekal dan mengukuhkan pemulihan proses ekonomi dan kali ini dengan cara:

- (i) reformasi sistem cukai;
- (ii) mempercepatkan perumbuhan sektor awam supaya mengukuhkan pertumbuhan dan mengurangkan pengurangan; dan
- (iii) mengekalkan cara jimat-cermat, dengan izin, prudence dalam pentadbiran perbelanjaan awam.

Strategi yang sama tahun 1988 telah menyakinkan Menteri Kewangan dan menyatakan bahawa pertumbuhan sebenar hasil pengeluaran tempatan bagi tahun 1988 dijangka mencapai tahap 7.4% yang mana lebih 3.4% daripada yang diramalkan dalam Belanjawan tahun lalu. Pemulihan

ekonomi dalam tahun 1988 dijangka berterusan dalam tahun 1989 dengan meningkatkan aktiviti sektor awam dan dengan meningkatkan keyakinan pelabur mengikut kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Menteri-menteri. Walau bagaimanapun, ada tanda-tanda bahaya di hadapan disebabkan kekuatan pertumbuhan ekonomi kita dalam beberapa tahun akan datang, berharap perkembangan ekonomi dunia. Apa halnya jika yang diramalkan bahawa ekonomi dunia yang dikatakan kuat berkembang itu gagal untuk diteruskan. Maka dengan itu kemungkinan permintaan dan harga-harga barang komoditi kita untuk dieksport akan menjadi lemah dan dengan itu kita mungkin balik seperti sedia kala. Sekarang inipun harga minyak telah mula turun di pasaran.

Dalam ucapan Menteri Kewangan yang lalu, beliau telah mengumumkan hasrat Kerajaan untuk mengkaji semula struktur cukai dengan harapan bagi mengurangkan cukai pendapatan syarikat-syarikat, ia telah melaksanakan ini dengan menyatakan beberapa cara yang bermatlamat untuk mereformasi sistem cukai dalam, dengan izin, telah short and medium terms.

Package yang diumumkan oleh Menteri tersebut mengandungi:

- (1) Pengurangan cukai terusan atau, dengan izin, direct taxes.
- (2) Mengkaji pelepasan dan potongan yang telah diberi kepada syarikat-syarikat di bawah Akta Cukai Pendapatan.
- (3) Mengadakan peruntukan khas pelepasan cukai bagi aktiviti yang baru dan yang agak tinggi risikonya.
- (4) Mengkaji potongan cukai atau, dengan izin, tax incentives, di bawah Akta Galakan Pelaburan atau Promotion of Investments Act.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin menyentuh, satu pengurangan cukai sebanyak 50%. Sebenarnya kesan pengurangan ini ke atas keuntungan syarikat adalah kurang daripada 5%. Ini disebabkan oleh perbelanjaan dan elaun keraiian tidak dikecualikan daripada cukai. Oleh kerana amaun ini dikenakan cukai maka keuntungan syarikat yang dicukai akan naik. Jadi dari segi efektifnya kadar cukai akan menjadi lebih dari 35%.

Di samping itu kegiatan usaha berniaga di restoran-restoran, hotel-hotel dan juga kedai-kedai amnya akan terjejas oleh kerana pengusaha dan pengurus perniagaan enggan membuat perbelanjaan yang tidak dikecualikan daripada cukai. Pihak Kerajaan seharusnya membuat penelitian ke atas kesan ini kerana dia boleh melembapkan prestasi perkembangan ekonomi yang Kerajaan selalu membanggakan bahawa ekonomi Malaysia bukan sahaja sudah pulih semula bahkan sudah meningkat.

Dari segi cukai pembangunan ianya akan dikurangkan dengan kadar 1% tiap-tiap tahun daripada tahun taksiran 1990. Ini bermakna bahawa cukai korporat Malaysia pada tahun 1989 ialah atas kadar 39%. Kadar ini akan dikurangkan kepada paras 35% dalam tahun taksiran 1994 yang menyamakan kita dengan kadar cukai korporat dari Thailand dan Indonesia pada masa ini. Jika dibandingkan dengan Singapura pula ianya mempunyai sekarang ini kadar cukai korporat sebanyak 33%. Dengan secepatnya kita boleh membuat kesimpulan bahawa langkah pengurangan cukai korporat di Malaysia ini adalah tidak mencukupi untuk menarik banyak lagi pelabur ke Malaysia dan cuba menahankan pelaburan ini daripada ditanam di negara-negara ASEAN yang lain.

Maksudnya bukanlah kita tidak mendapat pelaburan tetapi jumlah pelaburan boleh ditingkatkan sekiranya kadar cukai korporat dikurangkan ke paras 35% dalam tahun ini juga dan bukan secara berperingkat-peringkat seperti yang dicadangkan. Kos tambang percuma kepada pekerja-pekerja sebagai perbelanjaan yang dikecualikan daripada cukai pendapatan sekarang ini ditarik balik. Keputusan ini akan memberi kesan yang negatif ke atas syarikat-syarikat antarabangsa, dengan izin, multinational companies yang mempunyai expatriates sebagai pekerja-pekerja dan memberi, dengan izin, home leave passage percuma kepada expatriates ini serta keluarga mereka. Keputusan untuk tidak membenarkan perbelanjaan ini dikecualikan daripada cukai boleh membawa kepada kesan iaitu Malaysia mungkin akan berkurangan pakar-pakar dari luar negeri untuk diambil bekerja dan menghasilkan, dengan izin, transferred technology kepada pekerja-pekerja tempatan.

Kedua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan cukai pegangan ke atas bayaran faedah. Sekarang ini dikenakan juga kepada simpanan tetap yang melebihi 12 bulan yang disimpan oleh pemastautin dengan institusi-institusi kewangan. Ini bermakna kesemua simpanan tetap yang dibuat dengan institusi-institusi kewangan kecuali simpanan dengan LUTH dan Post Office oleh pemastautin akan dikenakan dengan cukai pegangan sebanyak 5%. Langkah ini akan menyebabkan orang-orang Malaysia tidak lagi suka berjimat cermat dan membiasakan dirinya untuk bersifat berhati-hati di dalam pengurusan kehidupan mereka. Bukan ini sahaja sekiranya wang ini digunakan untuk berspekulasi di Bursa Saham Kuala Lumpur maka ternyata bahawa Kerajaan ingin mewujudkan masyarakat Malaysia yang suka berjudi. Apa lagi dengan

berbagai lesen judi yang telah diluluskan oleh Kerajaan baru-baru ini.

Ketiga, cukai jualan dan cukai pertambahan nilai. Boleh dikatakan kedua-dua bentuk cukai ini adalah merupakan sumber Kerajaan yang baik. Tetapi perlu diingatkan janganlah sampai pengwujudan sistem cukai-cukai ini akan membawa kepada kenaikan harga barangan yang sekiranya tidak dikawal akan mencetuskan keadaan inflasi di negara kita. Pihak Kerajaan perlulah mentadbirkan pengutipan cukai ini supaya ia dapat menjamin bahawa kesemua cukai jualan yang dikenakan ke atas rakyat Malaysia adalah untuk Perbendaharaan Kerajaan, dengan izin, Government Treasury dan bukan hanya untuk menambah keuntungan peniaga-peniaga.

Di samping itu penguatkuasa cukai pertaruhan nilai mestilah dengan cara yang boleh menjimatkan perbelanjaan pentadbiran supaya amaun kutipan cukai ini tidak dibazirkan dengan digunakan untuk memenuhi keperluan perbelanjaan pentadbiran sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu dalam hal cukai ini juga saya ingin menyentuh satu perkara berhubung dengan peniaga-peniaga kecil iaitu warung-warung yang kita dapat di sana sini yang dikenakan cukai. Saya faham bahawa Kerajaan telah membuat kajian di negara ini lebih kurang 2 juta peniaga-peniaga yang membayar cukai dan ia berhasrat untuk meluaskan, dengan izin, tax basenya untuk menambah pendapatan Perbendaharaan. Tetapi kita khawatir sama ada perbuatan seperti ini iaitu mengenakan cukai kepada peniaga-peniaga kecil seperti warung merupakan satu tindakan yang bijak kerana ada kemungkinan pendapatan yang terkumpul daripada pungutan cukai dari warung-warung nasi lemak, kedai makan biasa akan

menguntungkan Kerajaan atau mungkin hanya akan cukup untuk menampung perbelanjaan pentadbiran sahaja.

Oleh itu matlamat yang sebenarnya iaitu untuk menambah pendapatan Kerajaan supaya dapat ianya digunakan untuk tujuan pembangunan negara tidak tercapai. Di sebaliknya rancangan ini akan menyebabkan ramai lagi rakyat miskin yang akan memarahi Kerajaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Kerajaan membuat kajian semula dalam usahanya itu, jangan untuk memberi kerja kepada mahasiswa yang menganggur itu dilatih mereka menjadi agen untuk menyusahkan peniaga-peniaga kecil sehingga baru-baru ini keluar dalam akhbar bahawa tuan punya kedai nasi lemak kena bayar cukai sampai \$9,000.

Mengikut Akta Cukai 1967 adalah dikehendaki bahawa semua peniaga yang dengan izin, turnovernya lebih dari \$2,500 perlu menyimpan kira-kira yang kemaskini, siap dengan buku resit dan mesin kira-kira. Bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, warung-warung di Chow Kit Road perlu membeli alat untuk menerima wang tunai, mengeluarkan resit dan menyimpan buku kira-kira yang tersusun. Maka mereka perlu pula dihantar untuk mengikuti Kursus Simpanan Kira-kira dan mengeluarkan resit. Sudah tentu ini akan menyusahkan peniaga-peniaga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Perbelanjaan Pembangunan untuk tahun 1989. Peruntukan bagi Perbelanjaan Pembangunan untuk tahun 1989 akan bertambah sebanyak 14.4% lebih tinggi dari peruntukan bagi tahun 1988. Sebahagian besar dari tambahan ini adalah untuk sektor ekonomi bagi melaksanakan projek-projek penting seperti tanaman semula getah, pembangunan tanah, jalan dan jambatan, kemudahan air

dan elektrik dan kemudahan-kemudahan lapangan terbang. Sektor sosial pula mendapat tambahan sebanyak \$212 juta, terutama sekali bagi projek-projek kesihatan dan pembangunan masyarakat dan kampung, jalan-jalan kampung dan pemulihan kampung.

Saya ingin mengucapkan tahniah atas pertimbangan Kerajaan ke arah ini, tetapi saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam hal ini. Pertama, dalam melaksanakan kemudahan-kemudahan projek-projek pembangunan masyarakat dan kampung terdapat pembahagian kuasa yang tidak seimbang. Apabila terdapat sesuatu kawasan yang telah dibangunkan seperti projek perumahan kos rendah atau kawasan pembahagian lot-lot tanah untuk orang-orang miskin di kampung-kampung, peranan Wakil-wakil Rakyat, terutamanya Ahli Dewan Undangan Negeri agak melebihi. Banyak contohnya, biarlah di tempat saya, saya mulakan. Perkara ini berlaku sebelum pun saya menjadi Ahli Bebas dalam Dewan ini. Pejabat Daerah tidak dapat menggunakan kuasa mereka kerana takut dimarahi oleh Wakil-wakil Rakyat yang berada di dalam kawasan itu. Pembahagian rumah-rumah murah untuk orang-orang miskin dan juga tanah tot dimonopoli oleh pengikut-pengikut Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut. Banyak permohonan yang lama tidak mendapat perhatian walaupun ada surat dari Ahli-ahli Parlimen, atau Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain atau orang-orang besar dalam daerah itu. Dengan cara ini pembahagian tanah-tanah, lot dan rumah-rumah dikuasai oleh kumpulan tertentu. Dan ini kelihatan begitu ketara sekali apabila ADUN berkenaan pula misalnya menjadi ketua bahagian parti di dalam kawasan tersebut. Saya mempunyai banyak bukti dalam hal ini. Sehingga hari ini apakala sudah ada perpecahan di dalam UMNO, keadaan ini lebih ketara lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila gulungkan.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Satu minit sahaja. Permohonan untuk membaiki jalan, jambatan, surau atau iain-lain pun demikian, hanya orang-orang tertentu ataupun penyokong ADUN tertentu sahaja yang mendapat peluang-peluang tersebut. Sekarang apa-apa keadaan ini sudah ketara, permohonan untuk mmah dan tanah banyak yang memohon dahulu tinggal begitu sahaja. Orang-orang tersebut bukan semuanya pula memihak kepada mana-mana kumpulan. tetapi oleh kerana mereka mendapat surat sokongan dari Ahli-ahli Parlimen Bebas dan Pembangkang, maka permohonan mereka itu diketepikan. Contoh yang lebih jelas, tanah di Bukit Ceraka, berhampiran dengan tempat pelancongan yang diusahakan oleh Kerajaan Pusat, mereka yang tinggal di kampung itu setengahnya sudah berpuluh tahun. ADUN mahukan orang-orangnya mendapat tanah-tanah di situ, sedangkan orang yang telah tinggal di situ berpuluh-puluh tahun menyokong Kerajaan Barisan Nasional selama ini, tetapi malangnya sehingga ini mereka masih tidak diberi tanah-tanah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan ini semua kerana Kerajaan Barisan Nasional mempunyai janji dalam pilihanraya 1986—"Tradisi Membela Rakyat". Oleh itu, rakyat manakah yang sewajarnya ditolong atau adakah rakyat yang di pihak-pihakkan di dalam negara ini yang hanya boleh diberikan segala kemudahan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Betong.

5.45 ptg.

Tuan Douglas Uggah Embas (Betong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersama rakan-rakan

saya yang lain bangun menyokong Belanjawan 1989 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 21hb Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakyat kawasan Betong, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional atas Belanjawan 1989 yang begitu menggalakkan, tidak membebankan sesiapa, mengambil kira segenap lapisan masyarakat dan bukti keazaman Kerajaan Barisan Nasional untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan Belanjawan ini, negara kita akan terus maju khususnya ke arah menempatkan negara kita ke kumpulan Negara Industri Baru di rantau ini, membasmi kemiskinan, menambah peluang pekerjaan dan menegohkan pemulihan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil peluang ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Malaysia khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kejayaan negara kita untuk memenangi kerusi di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Ini bukti nyata menunjukkan kedudukan negara kita di peringkat antarabangsa.

Saya juga mengalu-alukan segala cadangan mengenai susunan semula sistem cukai. Saya berpendapat bahawa penurunan kadar cukai syarikat dan galakan kepada industri kecil akan meningkatkan pelaburan di dalam dan dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, perubahan sistem cukai jualan yang mengakibatkan kenaikan jualan 5% ke atas beberapa barangan makanan dan bahan-bahan binaan yang kurang penting telah dan akan menimbulkan keraguan.

Walaupun baru-baru ini Menteri Kewangan telah memberi penerangan bahawa kenaikan ini tidak akan membebankan sebahagian besar rakyat jelata, keraguan dan kebimbangan masih wujud di kalangan rakyat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, yang mereka mungkin ketahui ialah kadar cukai jualan ini telah dinaiki. Besar kemungkinan mereka tidak memahami apakah jenis barang yang terlibat. Maka oleh kerana masalah perhubungan mereka senang dieksploitasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Akhirnya penduduk miskin luar bandar terpaksa memikul beban kenaikan cukai ini. Kenaikan cukai ini memberi peluang bagi peniaga-peniaga menaikkan harga barang sesuka hati dengan memberi alasan bahawa mereka terpaksa menaikkan harga-harga barang kerana cukai naik. Ini senang dibuat di pendalaman di luar bandar. Oleh yang demikian, saya menyeru Kementerian berkenaan untuk memberi penjelasan yang cukup melalui Radio, Television dan cara-cara lain untuk menerangkan perubahan cukai ini.

Kedua, untuk memperkuat dan memperluaskan kawalan harga barang di luar bandar khususnya di pendalaman di negeri Sarawak dan Sabah. Walaupun ongkos menjalankan usaha ini mungkin besar, tetapi ia perlu untuk melindungi rakyat di luar bandar dari dieksploitasikan oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, keazaman Kerajaan Barisan Nasional untuk membela nasib rakyat luar bandar ternyata apabila Kerajaan memperuntukkan sebanyak \$5,117 juta atau kira 2/3 dari perbelanjaan Pembangunan bagi 1989 untuk pembangunan luar bandar. Saya berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik peningkatan peruntukan sebanyak \$900 juta bagi kemudahan awam iaitu \$748 juta untuk bekalan air, \$158 juta untuk bekalan elektrik, maka dengan peruntukan yang besar ini saya berharap ramai lagi penduduk luar bandar mendapat nikmat kemudahan air dan elektrik.

Begitu juga saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kerajaan yang telah sudi menambahkan peruntukan untuk jalan-jalan luar bandar kepada \$210 juta bagi tahun 1989. Ini adalah peruntukan yang begitu memuaskan jika dibandingkan dengan peruntukan tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat luar bandar menyambut baik peruntukan ini kerana mereka telah lama menunggu supaya mereka dapat bersama-sama menikmati kemudahan seperti letrik, jalan raya yang baik serta bekalan air yang bersih dan kekal. Rakyat di luar bandar seperti di kawasan saya di Betong, Bahagian Kedua, Sarawak adalah masih mundur dan kebanyakan kampung-kampung dan rumah panjang masih belum menikmati kemudahan yang memuaskan selepas 25 tahun merdeka dalam Malaysia. Di kampung-kampung Melayu, khususnya di kawasan saya di Betong masalah utama ialah masalah untuk mendapatkan bekalan air bersih serta kekal setiap masa. Selama ini mereka mengalami kesulitan mendapatkan air apabila musim panas tiba, semasa itulah mereka merasa lebih teruk.

Tuan Yang di-Pertua, masa telah tiba untuk mereka ini menikmati kemudahan-kemudahan yang lama telah dinikmati oleh rakyat di bandar. Masa telah tiba untuk Kerajaan menamatkan penderitaan mereka dan secara langsung meningkatkan cara hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya merayu bahawa Kerajaan Pusat

meningkatkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang masih kekurangan kemudahan-kemudahan awam seperti air, elektrik dan jalan-jalan luar bandar daripada peruntukan yang tahun dahulu. Ini adalah untuk meneapai matlamat yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, segenap lapisan masyarakat termasuk pemimpin politik harus menyambut baik seruan Menteri Kewangan bahawa kita sama-sama mengurangkan percakaran di antara satu sama lain, memberhentikan kegiatan menabur fitnah dan janganlah meracuni rakyat dengan titnah.

Tuan Yang di-Pertua, selepas Pilihanraya Sarawak 1987, perpaduan di negeri Sarawak tergugat, khasnya perpaduan kaum bumiputera, yang lebih teruk adalah di kalangan kaum Dayak di luar bandar. Berbagai tuduhan dan fitnah telah dan masih dilemparkan meracuni rakyat di luar bandar, khasnya di kalangan kaum Dayak. Tuduhan-tuduhan itu, khasnya oleh ahli-ahli parti Pembangkang seperti Parti Bangsa Dayak Sarawak yakni Pembangkang di Dewan Undangan Negeri Sarawak kononnya kaum Dayak telah ditindas, diketepikan dan sengaja tidak diberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat dengan sepintas lalu angka-angka petunjuk adalah ternyata bukti bahawa kaum Dayak memang masih tertinggal dan memerlukan bantuan Kerajaan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Misalnya, kadar kemiskinan di kalangan kaum Dayak adalah yang tertinggi seperti 47.7% bagi kaum Iban, 64.9% bagi kaum Bidayuh—angka pada tahun 1982. Ianya adalah membuktikan kadar begitu tinggi kalau dibandingkan dengan 31.3% kadar keseluruhan negeri Sarawak, atau 8.5% untuk kaum Cina di negeri Sarawak. Begitu juga 80.7% kaum Dayak masih terlibat

dalam bidang pertanian jika dibandingkan dengan 58% angka untuk seluruh negeri Sarawak.

Dari tenaga kerja, kaum Dayak/Iban hanya 1.9%; 3.6% kaum Bidayah dan 3.6% kaum-kaum yang lain terlibat dalam bidang profesional, pengurusan dan pentadbiran. Ini juga begitu rendah jika dibandingkan dengan 5.1% untuk seluruh negeri Sarawak. Angka ini adalah untuk tahun 1980. Jika kita lihat dari segi penglibatan kaum dayak dalam sektor awam, kekurangan juga ternyata.

Dalam perkhidmatan awam Negeri dan Persekutuan, kekurangan pegawai tinggi dari keturunan Dayak juga ternyata. Walaupun saya tidak ada mempunyai angka-angka yang tepat, tetapi ini akan terbukti apabila kita melawat ke pejabat-pejabat atau berjumpa dengan pegawai-pegawai kanan di Jabatan-jabatan tersebut. termasuk di Jabatan Telekom dan Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM) Cawangan Negeri Sarawak. Misalnya, di STM Cawangan Sarawak tidak ada seorang pun pegawai kanan dari peringkat Pengurus Besar sehingga 9 orang lagi Pegawai Kanan di Syarikat itu yang dipegang oleh pegawai keturunan kaum Dayak.

Soalnya ialah siapa yang salah? Penyelesaian masalah ini saya rasa tidak dapat, Tuan Yang di-Pertua, dengan cara kita mencari siapa yang salah dan meniup perasaan perkauman. Misalnya, dalam pengambilan pegawai tertinggi dalam Jabatan Telekom dan STM, khususnya di Cawangan Kuching membuktikan bahawa mereka belum dapat menempatkan kaum Dayak memegang jawatan tertinggi, walaupun ia di bawah kuasa Menteri Tenaga, Telekom dan Pos yang juga Presiden Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS). Soalnya adakah ini bukti bahawa Presiden PBDS juga bersyubhat menindas kaum Dayak? Ataupun perkara ini tidak dapat dielakkan atas alasan-alasan yang tertentu.

Saya rasa hanya Presiden PBDS sendiri yang juga Menteri Tenaga, Telekom dan Pos dapat memberikan penerangan, khususnya kepada kaum Dayak dan juga kepada Ahli-ahli PBDS di Sarawak dan di rumah panjang mengenai isu ini. Ini penting supaya mereka mengetahui kenyataan dan keadaan yang sebenarnya supaya mereka tidak mengeksploitasikan isu yang seperti ini. Cara yang lebih positif adalah untuk membawa perkara ini ke dalam Dewan ini. Sebagai Wakil Rakyat, kita harus mempunyai penuh keyakinan atas kemampuan Dewan yang mulia ini untuk mendengarnya supaya pihak berkenaan sedar dan berusaha mencari jalan mengatasi masalah ini. Ini adalah sikap pemimpin yang sentiasa ikhlas mencari penyelesaian kepada segala masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Dewan yang mulia ini adalah suatu forum yang tepat di mana perkara seperti ini harus ditimbulkan, bukan di rumah panjang di luar bandar di negeri Sarawak.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, ada juga pemimpin memilih "senyap" dalam Dewan ini, mereka memilih "mendingkan diri" tentang masalah kaum Dayak. Saya rasa ini adalah sikap yang kurang bertanggungjawab. Saya percaya ini adalah sikap yang kurang ikhlas, walhal mereka ini menganggap dirinya sebagai "the Geneial of the Iban", dengan izin, "pejuang bangsa" dengan melemparkan berbagai tuduhan di luar bandar di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah mendengar Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar misalnya, yang merangkap Timbangan Presiden PBDS membawa perkara dan masalah kaum Dayak dalam Dewan ini. Mengapakah? Hanya beliau sendiri yang tahu.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya masalah-masalah yang saya ketengahkan ini wujud, saya yakin

perkara yang saya sentuh di sini akan diambil perhatian oleh Kerajaan Barisan Nasional. Walaupun kami kaum Dayak terdiri dari golongan minoriti di Malaysia, kami penuh yakin bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa peka, bersedia menjaga, melindungi, membela dan menjamin hak kumpulan minoriti termasuk suku-suku kaum Dayak di negeri Sarawak. Maka saya berharap bahawa rayuan dan seruan kami didengar, diambil perhatian dan dikaji. Sekiranya masalah ini benar-benar wujud, penyelesaian harus dicari secepat mungkin sebelum ia menjadi satu penyakit sosial yang tidak dapat diubah lagi. Apa-apa tindakan yang bertentangan dengan ini akan menghampakan kami. Ini juga akan ditafsirkan sebagai penindasan dan ketidakadilan. Perasaan ini senang di eksploitasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, yang sentiasa mencari jalan untuk mencapai tujuan sempit mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kesan dan akibat eksploitasi ini kita telah saksikan di negeri Sarawak selepas Pilihanraya Negeri, 1987, kedudukan Barisan Nasional Negeri Sarawak terjejas. Perpaduan rakyat terganggu sehingga keamanan terancam. Saya rasa ini kita mesti cari jalan bagaimana kita dapat mengelakkannya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, maka saya mencadangkan bahawa:

- (a) satu kajian atau penelitian dibuat untuk mengetahui sejauh manakah tuduhan mengenai dasar amalan menindas kaum Dayak, khasnya dalam pengambilan dan kenaikan pangkat di dalam perkhidmatan awam di Jabatan Persekutuan dan di Jabatan-jabatan Negeri Sarawak wujud. Apakah sebab yang sebenarnya yang menyebabkan kaum Dayak masih tertinggal?

- (b) menyarankan Kerajaan melantik seorang pegawai keturunan kaum Dayak untuk duduk dalam jawatankuasa atau badan yang bertanggungjawab di atas merangka Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990;

- (c) menyarankan bahawa Dasar Ekonomi Baru disambung semula selepas 1990 sehingga kedua-dua matlamat iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tercapai.

Saya yakin dengan cara ini kenyataan akan ternyata, penyelesaian dicari, pihak yang sentiasa mencari isu dieksploitasikan kehilangan modal dan perpaduan di antara kaum dapat diertatkan demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu rayuan Sarawak mengenai penerbangan lain seperti SIA mendarat di Kuching telah pun disiarkan dengan luas di akhbar-akhbar sehingga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak sendiri memohon bahawa permintaan ini dipertimbangkan dengan sewajarnya. Saya menyokong penuh rayuan Yang Amat Berhormat ini. Pihak yang berkenaan harus memberi pertimbangan kepada hasrat rakyat di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua isu berkait dengan sungutan rakyat Sarawak ini, yang pertama ialah masalah mengenai mendapat tempat duduk dalam penerbangan dari Kuching ke Kuala Lumpur dan Kuching ke Singapore. Yang kedua, ialah membuat linkage, dengan izin, untuk menarik ramai lagi pelancong-pelancong ke negeri Sarawak itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik keputusan MAS sebagaimana telah disiarkan kelmarin di suratkhbar yang telah memberitahu bahawa penambahan pesawat ke Kuching/Kuala Lumpur-Singapura

telah pun dibuat mulai dari kelmarin. Saya penuh yakin ini akan menyelesaikan serba sedikit masalah kekurangan tempat untuk rakyat tempatan dan pelancong datang ke Kuching.

Mengenai syor membenarkan penerbangan lain seperti SIA dan Thai Airline ke Kuching, saya menyokong penuh cadangan dari Yang Berhormat dari Bukit Mas apabila beliau berucap masa membahaskan mengenai Belanjawan minggu lalu. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, bahawa perkara ini dikaji dengan lebih teliti dan keputusan dibuat dengan secepat mungkin kerana jika para pelancong datang lebih ramai ke Sarawak, ia akan menguntungkan negara seluruhnya. Isu ini harus dipandang dengan wajar dan tanpa emosi.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Seputeh.

6.04ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dua Ahli Yang Berhormat dari MCA telah berucap di Dewan yang mulia ini dan mengemukakan perasaan tidak puas hati terhadap Kerajaan Barisan Nasional kerana ianya masih belum menunaikan janji-janji yang dibuat dalam pilihanraya umum tahun 1986. Janji-janji ini bersangkutan dengan pendidikan, kampung baru dan sebagainya. Mereka juga membidas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Saya berasa kagum semasa kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu berucap kerana mereka berbuat demikian seolah-olah mereka bam sahaja mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh penghuni-penghuni kampung baru khususnya dan masyarakat bukan Bumiputera amnya.

Apa yang kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu telah berucap di Dewan yang mulia ini sebenarnya adalah sebahagian daripada perjuangan DAP selama 20 tahun yang lepas. Sebelum itu apabila DAP berucap di Dewan yang mulia ini mengenai masalah-masalah yang sama dan membidas Kerajaan Barisan Nasional atas sebab-sebab yang sama, kami telah diganggu dan dituduh sebagai "chauvinist" ataupun "extremist" sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Bakri dan Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai diganggu dan dituduh oleh rakan-rakan seperjuangan mereka sendiri dari UMNO Baru.

Apa yang lebih menyedihkan bagi MCA hakikat bahawa sebelum ahli-ahli UMNO Baru mengecam MCA di perhimpunan UMNO Baru dan di Dewan yang mulia ini, ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin MCA telah berkempen bermati-matian di Parit Raja untuk memastikan kemenangan calon UMNO Baru.

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan syabas kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat MCA itu kerana mereka berani melahirkan perasaan, tidak puas hati terhadap Barisan Nasional di Dewan yang mulia ini. Akan tetapi, sikap berani dan jujur kedua-dua Ahli Yang Berhormat MCA itu telah menimbulkan satu soalan yang penting iaitu mengapa mereka membidas Kerajaan Barisan Nasional secara terbuka di Dewan yang mulia ini. Bukankah ini menunjukkan kelemahan Menteri-menteri dalam Kabinet?

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Belanjawan 1989 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan Rakyat pada 21hb Oktober, membayangkan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi negara kita dalam satu tahun yang lepas telah meningkat dengan

ketaranya. Ini tidak syak lagi merupakan satu perangsang kepada negara dan rakyat.

Sungguhpun negara ini masih mengalami kesulitan seperti pengangguran dan hutang dalam dan luar negeri yang juga meningkat dengan kadar yang hebat, masalah-masalah ini harus diselesaikan dengan seberapa cepat yang boleh.

Dalam satu tahun yang lalu negara ini telah bertaku banyak peristiwa yang luar daripada sangkaan orang ramai seperti "Operasi Lalang" di bawah ISA pada 27hb Oktober, 1987 dan tindakan menggantung jawatan tiga orang termasuk Lord President, Tun Salleh Abas dan dua orang Hakim Mahkamah Agung. Peristiwa ini adalah merupakan satu pukulan kepada demokrasi, hak asasi manusia dan kebebasan kehakiman di negara ini. Kalangan rakyat di dalam negara ini dan luar negeri telah menimbulkan perasaan bingung dan keliru manakala imej negara ini juga telah tercemar,

Oleh kerana Malaysia adalah salah satu negara anggota Bangsa-bangsa Bersatu maka dia seharusnya menghormati semangat dan matlamat Universal Declaration of Human Rights 1948, dengan izin.

Seperti kita sekalian termaklum sehingga sekarang 5 orang MP DAP, termasuk Ketua Pembangkang masih ditahan di bawah ISA di Kem Tahanan Kemunting.

Penahanan tanpa bicara ini adalah mencabul hak asasi manusia seperti yang dinyatakan dalam Universal Declaration of Human Rights.

Satu persidangan I.P.U. telah diadakan di Sofia pada 19hb hingga 24hb September, 1988 di mana wakil-wakil daripada seluruh dunia telah menaruh perhatian yang sepenuhnya terhadap pencabulan hak asasi manusia. Didapati banyak negara telah bersama-sama merayakan harijadi

pemimpin Gerakan Hak Rakyat Kaum Kulit Hitam, Nelson Mandella pada tahun ini sambil mengutuk dengan keras pengurangan Kerajaan Afrika Selatan ke atas Nelson Mandellu selama 25 tahun. Pada ketika yang sama ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah mengutuk pihak yang berkenaan dan menyeru Kerajaan Afrika Selatan membebaskan Nelson Mandella tanpa syarat.

Keadaan ini memberi bayangan bahawa Malaysia adalah sebuah Kerajaan yang menghormati UDHR, akan tetapi beliau telah membenarkan peristiwa mencabuli hak asasi manusia bahkan mencabuli hak Ahli Parlimen berlaku di dalam negara kita. Kami ingin tahu apakah polisi ini sebenarnya? Saya dengan ikhlas berharap Malaysia menyebelahi Kerajaan yang menghormati dan melaksanakan UDHR. Ini pasti dapat meningkatkan imej negara kita di antarabangsa terutama sekali dapat menarik pelabur-pelabur negara asing ke negara ini. Dengan ini saya menyeru Kerajaan membebaskan Ahli-ahli Parlimen kawasan Tanjong, Jelutong, Ipoh, Pasir Pinji, Kota Melaka dan mereka yang ditahan dalam Operasi Lalang tanpa apa-apa syarat. Jika tidak, tuduhlah mereka di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, DAP telah pun melancarkan berbagai-bagai kempen di dalam dan di luar negara termasuk menghantar telegram kepada Perdana Menteri untuk mencetak postcard dan gerakan menurunkan tandatangan untuk membebaskan mereka yang berkenaan tetapi Kerajaan selama ini bersikap keras dan terus menahan mereka sedangkan mereka hanya meminta satu keadilan sahaja. Adakah Kerajaan adil? Mengapa Kerajaan masih menahan mereka di Kem Kamunting sedangkan keadaan di negara ini dikatakan telah pulih dan tenang dan pertumbuhan ekonomi negara kita telah maju ke hadapan dalam satu tahun yang lalu?

Kerajaan telah menghantar perwakilan untuk menghadiri Persidangan IPU di Sofia dan Persidangan CPA di Canberra pada tahun ini dengan tidak memilih wakil daripada DAP dan M.P. dari parti Pembangkang yang lain. Adakah ini sikap dan cara yang harus dipraktik oleh sebuah negara yang berdemokrasi?

Tuan Yangdi-Pertua, banyak negara akan merayakan hari ulangtahun ke 40 UDHR pada bulan Disember tahun ini. Saya berharap Malaysia juga dapat mengkaji masalah pencabulan hak asasi manusia di negara ini demi membetulkan kesalahan yang telah dilakukan dan menuju ke arah menghormati hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Dewan ini satu perkara bahawa DAP Wilayah Persekutuan telah mengadakan satu walkaton pada 30hb Oktober, 1988. Kami telah memohon penit kelulusan kepada Balai Polis Daerah Brickfields tetapi pihak Balai Polis berkenaan tidak membenarkan para peserta memakai T-shirt yang dicetak dengan tulisan "Freedom Walk", dengan izin, dan juga tidak membenarkan menggantung banner yang dicetak tulisan seperti yang tersebut di atas.

Di sini saya ingin bertanya kepada Menteri Dalam Negeri bahawa apakah negara ini telah sampai kepada satu tahap di mana perkataan-perkataan "Freedom Walk" telah ditarang digunakan oleh orang ramai? Jika tidak, mengapa pihak polis telah berbuat begitu? Tindakan pihak polis Brickfields adalah amat dikesalkan. Saya harap Menteri Dalam Negeri dapat memberikan satu jawapan yang jelas kepada rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya Malaysia bertujuan mempertahankan kewibawaan dan terus memupuk kemakmuran negara, maka ianya harus memhetulkan kesalahan yang

telah dilakukan dalam sebelas bulan yang lalu kerana pelaksanaan demokrasi, menghormati hak asasi manusia, kebebasan individu dan kebebasan kehakiman merupakan unsur-unsur yang utama untuk membina sebuah negara yang bersatu-padu dan maju. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Serian.

6.17ptg.

Tuan Lainus anak Andrew Luwak (Serian): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut bersama membahaskan Ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita pada 21hb Oktober yang lalu.

Saya bagi pihak penduduk-penduduk di kawasan P. 159 Serian mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan dan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana pada pandangan saya Belanjawan yang telah dibentangkan itu merupakan lebih baik daripada yang telah dibentangkan pada tahun yang lepas. Ekonomi negara semakin pulih. Oleh kerana ekonomi negara bertambah baik, kebanyakan rakyat akan bergembira dan akan mengadakan prestasi yang lebih supaya ekonomi negara akan lebih baik pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa disekat kepada 20 minit sahaja, saya telah memotong banyak ucapan saya dan saya berharap tidak ada gangguan semasa saya menerangkan serba sedikit pandangan saya yang kebanyakannya menumpu ke arah luar bandar.

Di Sarawak kebanyakan penduduk-penduduk di luar bandar adalah petani-petani atau pekebun-pekebun. Pada masa sekarang petani-petani di Sarawak berkebudan getah, lada hitam dan koko. Kesulitan mereka ialah

mendapatkan modal untuk membeli bahan keperluan untuk membuat dan memelihara kebun mereka. Pada tahun ini cukai pengeluaran lada hitam untuk tempoh 7 bulan yang pertama ialah sebanyak \$91.4 juta.

Saya tidak nampak di bidang apakah peruntukan atau sumbangan yang diberi oleh Kerajaan untuk petani-petani kita, lebih-lebih lagi penanam lada hitam. Yang saya tahu ialah Kerajaan cuma memberi subsidi yang mana satu atau dua orang sahaja yang berjaya, bagaimana dengan yang lain yang juga ikut mohon subsidi tetapi tidak berjaya, bagaimana perasaan mereka. Saya fikir peruntukan bagi subsidi itu lebih waras dan adil jikalau kita gunakan peruntukan itu untuk membayar cukai masuk bahan-bahan keperluan pekebun kita seperti baja, racun-racun, pam-pam, cangkul dan sebagainya supaya pekebun-pekebun kita dapat membelinya dengan harga yang murah ataupun jika dapat Kerajaan hapuskan sama sekali cukai-cukai masuk bahan-bahan keperluan pekebun-pekebun supaya pekebun-pekebun kita menjadi produktif.

Saya kluatir dengan keadaan sekarang oleh kerana harga hasil pekebun kita seperti koko dan lada hitam turun sehingga paras yang sangat rendah dan harga baja-baja semakin hari semakin naik sehingga satu beg baja cap "Jambatan" berharga \$52 sebeg dan lebih daripada itu di tempat-tempat pendalaman. Jikalau petani kita tidak ada mampu membeli baja tanaman mereka dengan cukup, saya percaya pengeluaran hasil kita akan sangat berkurangan pada tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan rakan saya dari Marudu semasa dia menyentuh fasal integrasi nasional yang sekarang merupakan pada pandangan saya tidak berapa berkesan. Jikalau kita menghantar terlalu ramai pegawai-pegawai dari

Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan dari Sarawak ke Semenanjung, apa yang saya dapati perbuatan yang begini membazirkan wang dan menimbulkan rasa tidak puas hati kepada penduduk-penduduk tempatan.

Pada masa sekarang ramai guru-guru dari Semenanjung yang mengajar di Sarawak selain daripada dibayar gaji, mereka dibayar elaun perumahan dan elaun kesengsaraan atau "hardship allowance", dengan izin. Keadaan yang begini membazirkan wang dan membezakan pendapatan guru-guru tempatan dengan guru-guru dari Semenanjung yang mempunyai kategori yang sama. Keadaan ini menjejaskan guru tempatan dalam kategori yang sama secara tidak langsung. Kalau guru dari Semenanjung diberi elaun perumahan, mengapa guru tempatan tidak diberi bahkan banyak guru-guru tempatan datangnya dari kawasan yang jauh dari kawasan mereka sendiri dan mereka juga terpaksa membayar sewa rumah.

Soal ini tidak timbul bagi guru tempatan pada masa dahulu. Guru-guru tempatan rupanya membayar sewa rumah daripada gaji mereka sendiri. Ini saya rasa tidak berpatutan. Harga-harga barang dan sewa-sewa rumah tidak berbeza di antara guru-guru dari Semenanjung dan guru-guru tempatan di Sarawak, tetapi guru tempatan membayar sewa rumah ini dengan gaji mereka sendiri. Ini menyebabkan rupanya pendapatan guru tempatan jauh kurang daripada guru yang datang dari Semenanjung. Untuk mengatasi ini, saya fikir lebih baik Kerajaan melatih ramai lagi guru-guru tempatan supaya elaun-elaun ini yang berongkos berjuta-juta ringgit ini boleh digunakan untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang lain.

Saya tidak percaya sama sekali bahawa guru yang fasih dalam Bahasa Malaysia yang mendapat kepujian sahaja dalam Bahasa Malaysia yang

membuat prestasi yang lebih di bidang pengajaran. Yang mendapat prestasi yang baik ialah guru yang rajin, tekun, berusaha, gigih dan berdedikasi. Pada masa penjajah dahulu tidak ada syarat yang mengatakan guru mesti mempunyai kepujian atau kredit dalam Bahasa Inggeris sedangkan mereka mengeluarkan murid-murid yang lulus atau mendapat pengajian tinggi dan juga menjadi doktor dan peguam.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju sama sekali juga bahawa satu syarat kemasukan ke maktab perguruan iaitu mesti mempunyai kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM. Saya fikir lulus sahaja dalam peringkat SPM sangatlah adil, lebih-lebih lagi bagi kami bangsa Dayak memandangkan bahasa itu merupakan semacam bahasa asing kepada kami. Bagi orang-orang keturunan Dayak yang mana kebanyakannya duduk di luar bandar, Bahasa Malaysia itu merupakan bahasa asing kepada mereka. Untuk kami bangsa Dayak mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia sangatlah rumit, kecuali Dayak yang tinggal di bandar. Anak-anak kami belajar Bahasa Malaysia dari peringkat perkataan seperti makan, minum, bangun, tidur, duduk dan sebagainya terus ke bahasa istana dan kini hingga bahasa baku. Saya harap Kerajaan bertimbang rasa seberat-beratnya dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembalakan di negeri Sarawak, saya mohon Kerajaan Pusat tolong mengawasi pembalakan di negeri Sarawak oteh kerana kesalahan yang dibuat, Kerajaan yang dituduh, termasuklah Kerajaan Pusat juga. Ini sering berlaku di mana pembalakan dijalankan yang melibatkan air minum dari sungai keruh sehingga ikan pun tidak dapat membiak atau hidup. Yang terburuk sekali ialah pembalakan yang dibuat di hutan simpanan orang-orang kampung atau kampung-kampung

untuk kemudahan penduduk-penduduk kampung mendapat bahan-bahan perumahan atau bahan-bahan keperluan mereka seperti tambok, tebakul, tikar dan sebagainya. Hutan simpanan ini disebutkan dalam bahasa daerah "pulau".

Di kawasan saya Serian terdapat banyak pembalak-pembalak seperti ini berlaku oleh sebab kononnya hutan itu dimiliki oleh Kerajaan mengikut undang-undang tanah di negeri Sarawak di mana ia berkata jikalau hutan ditebang sebelum 1-1-58 tanah itu ialah hakmilik penebang atau dinamakan "NCR land", dengan izin. Bukannya orang-orang kampung itu tidak dapat menebang hutan itu pada masa dahulu, tetapi mereka tidak berbuat demikian untuk keperluan dan kepentingan mereka dan anak cucu mereka. Mereka sendiri tidak dibenar memotong kayu di hutan itu dengan sesuka hati, takut kayu di sana terpupus. Selain daripada itu, orang kampung diarah menanam pokok buah-buahan di tempat yang mana kayu sudah ditebang untuk menggantikan kayu itu. Satu daripada hutan simpanan yang terlibat ialah hutan simpanan Kampung Krusen di Jalan Mongkos. Penduduk-penduduk Kampung Krusen membantah dengan sekeras-kerasnya dan membuat benteng atau pagar di tepi Jalan Mongkos dengan mereka akan menahan pembalak di sini sehingga bermati-matian. Jikalau tindakan sewajarnya tidak dibuat dengan segera, saya khuatir peristiwa pahit akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan elektrik, saya hairan mengapa beberapa buah kampung di Jalan Mongkos tidak diberi bekalan bahkan tali "over-head line", dengan izin, sudah melintas rumah mereka tetapi bekalan ke kampung di hujung dan dipohon sudah diberi bekalan tetapi yang di tengah itu dilangkah. Adakah ini sebagai pilih kasih atau pilih mata

oleh Kerajaan. Saya difahamkan bahawa kampung-kampung yang dilangkah bekalan itu telah memohon bekalan pada tahun 1980 dahulu. Sukat-menyukat dibuat, anggaran belanjawan projek itu sudah diketahui, mengapa tidak dibekal, mengapa bekalan ke kampung-kampung di hujung dahulu, mengapa mereka yang dilangkah bekalan itu disuruh melihat tiang dan tali kabel sahaja? Saya memohon supaya bekalan di.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Lainus anak Andrew Luwak: Sedikit sahaja. Saya memohon supaya bekalan diberi dengan cepat supaya nama Kerajaan tidak terjejas. Saya tahu ini ditanggung oleh Kerajaan Negeri tetapi saya seru supaya Kerajaan Pusat membuat direktif supaya nama Kerajaan tidak terjejas oleh sebab ini dipegang oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Dengan ini saya menggulung dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana sudah membentangkan perbelanjaan pada tahun ini dan di sini saya ucapkan terima kasih dan menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Hu Sepang (Rasah): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup Yang Berhormat,

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Hindu.

Dengan ini saya menangguhkan mesyuarat ini hingga pada hari Rabu, 9hb November, 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.